Yang Berhormat itu telah mengatakan orang yang menentang itu bolehlah di-anggap dia itu kalau tidak mushrik, bawah mushrik. Apa ta'arif bawah mushrik?

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Itu biasa-lah sahaja, kalau tidak tahu, masok P.M.I.P. mengaji hukum ugama. Tuan Pengerusi, saya yang menyebutkan perkara ini

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Pengerusi, ada-kah Yang Berhormat itu menganggap Peraduan Membacha Koran yang di-adakan oleh Kerajaan itu, orang itu kelas bawah mushrik, atau pun bagaimana yang di-buat oleh Parti Islam, pernah mengkafirkan orang Islam?

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, tidak; saya tidak pernah mengatakan orang yang membacha Koran ini bawah daripada mushrik. Saya kata kalau saya menentang boleh jadi orang tudoh saya mushrik.

Ada pun kafir-mengkafir ini, Tuan Pengerusi, ini perkara sudah basi yang mengachau masa sahaja yang kita hendak berhakap. Jadi, yang saya sebutkan di-sini ia-lah kalau kita dapat mengadakan pertandingan mentafsir Koran, atau pun daripada peruntokan yang sa-banyak ini, kita memberi kepada orang satu tafsiran yang standard bagi negara kita ini, kerana sampai sekarang ini belum ada lagi satu tafsiran pun yang negara kita ini menerbitkan, pada hal ugama Islam kita ia-lah ugama rasmi. Jadi, dengan mengadakan buku tafsiran begitu bolehlah orang² yang bukan Islam mengerti lebeh banyak terhadap hakikat Islam. Sama ada mereka itu hendak menyambung, atau pun tidak, ini masalah lain, tetapi kalau dengan lawan bacha sahaja, erti-nya hendak tengok suara sedap sahaja, lebeh baik kita ajak bintang² film pergi dalam itu

Wan Abdul Kadir bin Ismail (Kuala Trengganu Utara): Saya fikir Ahli daripada Bachok ini sa-orang Islam dan ta'at atau mengikut hadith² Nabi. Ada-kah Ahli Yang Berhormat itu ingat satu hadith yang mengatakan: Hasinul Koran Nabi Aswa Tikum, erti-nya hiasi Koran dengan suara kamu. Ada-kah dia marah di-sini?

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Hasinul Koran Nabi Aswa Tikum itu erti-nya elok bacaan Koran atau dengan suara, bukan dia suroh bertanding. Saya tahu juga bahasa Arab, Tuan Pengerusi.

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Untuk hendak meluaskan kegemaran membacha Koran supaya semua orang membacha dengan suara elok, di-adakan pertandingan. Macham juga elok main bola, ada pertandingan bola, kalau tidak ada pertandingan bola, macham mana orang hendak pandai semua.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, saya tidak menentang tadi, saya mengatakan saya membahathkan dari segi bagaimana kita hendakkan perkara ini merupakan satu kerja yang productive dan bagaimana

hendak mengelokkan-nya. Bukan saya menentang *in toto* begitu, barangkali Ahli Yang Berhormat ini baharu masok, pening kepala agak-nya.

Tuan Abdul Razak bin Haji Hussin (Lipis): Ada-kah Yang Berhormat dari Bachok ini akan menasihatkan Kerajaan PAS Kelantan supaya tidak masok pertandingan membacha Koran pada tahun yang akan datang?

Tuan Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Pengerusi, saya akan menasihatkan Kerajaan di-Kelantan itu supaya mengelokkan lagi chara² pertandingan itu. Jadi, saya tidak pernah menentang dalam perkara itu. Jadi, Tuan Pengerusi, apabila kita dapat membuat tafsiran yang sa-macam itu sama ada dalam bahasa China-kah, atau pun bahasa India, atau pun bahasa Inggeris, kita mengadakan tafsiran² yang sa-macam itu dapat-lah orang membacha apa dia Al-Koran itu. Jikalau tidak kita kepit Koran itu pergi bertanding—ini di-dalam ini ada law, ada history. Kita bawa kepit yang sa-macam ini yang kita tidak tahu ma'ana. Jadi, nampak-nya orang kita ini ashek dengan perkara² yang tidak tahu. Dia boleh bawa kepit² besar, dia berlawan bertanding, tanya: Dia tidak tahu apa dia. Ini pun satu 'ajaib dalam masharakat kita, tradition, atau pun adat yang patut kita ubahkan. Itu yang saya maksudkan. Dengan demikian, Tuan Pengerusi, perbelanjaan² yang kita untokkan untok pertandingan Koran itu kita khususkan sa-tengah kepada mentafsir Al-Koran. Ada pun Hasinul Aswa Takum apa begitu bagini, ini tidak bersangkut dan, Tuan Pengerusi, patut-lah orang² sa-belah sana itu memikirkan walau pun mereka itu lulus di-Masir yang mereka sahaja tahu bahasa Arab, kami dalam Parti Islam ini Arab sendiri pun ada, bukan sahaja tahu bahasa Arab (Ketawa).

Dato' Abdullah bin Abdulrahman (Kuala Trengganu Selatan): Tuan Pengerusi, saya rojok kepada S. 9, muka 64 Pejabat Perjawatan Malaysia—Personel Emoluments.

Tuan Pengerusi, sa-bagaimana kita tahu, jika di-buat perbandingan

dengan negeri² lain, gaji² yang Kerajaan Malaysia kita ini bayar kepada pegawai² kita tidak-lah rendah. Pendek-nya sa-bahagian besar daripada hasil negara, kita ada gunakan untok membayar gaji pegawai² kita. Apa yang di-harapkan dan di-jangka oleh pehak Kerajaan dan juga oleh pehak ra'ayat jelata ia-lah tiap² pegawai Kerajaan memberi perkhidmatan yang bagus, memberi perkhidmatan yang ikhlas dan chekap, sesuai sa-kali dengan ranchangan pembangunan negara yang pada masa ini sedang berjalan dengan dynamic serta chepat.

Tidak ada sa-siapa pun yang boleh menafikan ia-itu Perkhidmatan Awam kita, dan banyak Pegawai² Kerajaan kita pada masa ini menjalankan kerjanya dengan baik dan chekap. Tetapi, Tuan Pengerusi, maseh ada ruangan untok di-perbaiki dan di-perkemaskan lagi pentadbiran dan Perkhidmatan Awam di-dalam negeri ini. Maseh ada banyak Pegawai² Kerajaan, yang bekerja tidak begitu chekap, lemah semangat untok bekerja dan mereka tidak mengambil daya usaha untok membaiki diri-nya, atau pun untok menyesuaikan diri-nya dengan keadaan zaman dan dengan kerja² yang mereka hadapi.

Kita mustahak menjaga nama baik Kerajaan Perikatan, di-mata ra'ayat dan juga kepada dunia international. Maka di-dalam hubungan ini, saya suka mengeshorkan kepada Pehak Pejabat Perjawatan Malaysia dan juga Public Services Commission, supaya bersama² mengambil tindakan, menasehatkan pegawai² yang lemah semangat bekerja dan pegawai² yang kurang chekap, supaya berhenti dengan mendapatkan pension, atau pun kalau mereka tidak mahu berhenti dengan sendiri, mereka di-paksa suroh berhenti.

Dengan jalan ini sahaja, Tuan Pengerusi, saya perchaya, kita boleh sentiasa memelihara kecekapan Perkhidmatan Awam kita dan kita dapat memelihara nama baik Pegawai² Kerajaan keselurohan-nya di-dalam negara kita ini.

Bukan-lah saya bermaksud, pehak yang berkuasa atau pehak Kerajaan

mesti bersikap keras sangat, atau pun bersikap tidak adil. Itu jauh sa-kali. Apa² tindakan² kita itu, mesti-lah berpatutan dan mesti adil. Saya juga megambil ingatan, atau pun telah beri perhatian kapada perasaan yang dilahirkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Bungsar: Bimbang kalau² Surohan Jaya Gaji (Salary Commission), nanti prejudice fikiran-nya, atau pun rosak pendapatan-nya, seperti berat sa-belah, apakala telah dengar hujah², chakap² yang di-keluarkan didalam Dewan ini mengenai Pegawai² Kerajaan dan Perkhidmatan 'Awam.

Saya perchaya, Tuan Pengerusi, perkara ini tidak akan berlaku, kerana kalau di-pandangkan Ahli Surohan Jaya ini, mithal-nya, Pengerusi-nya Mr Justice Suffian, bukan sa-barang orang. Saya kenal kapada mereka, dan saya kenal Mr Justice Suffian, dia tidak senang di-pengarohi. Beliau juga orang yang berpatutan dan tidak mungkin, fikiran-nya menjadi prejudice sa-lepas mendengar ucapan² Ahli² Yang Berhormat didalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Pengerusi, saya suka sangat, dan pendek-nya ini ada-lah menjadi shor saya, sentiasa di-dalam Dewan ini, supaya pegawai² yang chekap, pegawai² yang bersemangat dan pegawai² yang berusaha hendak maju di-beri pembelaan yang sempurna oleh pehak atasan. Saya kata mereka patut di-beri kenaikan pangkat dengan chepat (rapid promotion) dan di-beri gaji yang lebih besar.

Kuasa memberhentikan pegawai² Kerajaan ini, di-sebabkan kurang chekap (due to inefficiency) maseh terletak di-dalam tangan Public Service Commission. Maka apa yang mustahak pada masa ini ia-lah pehak Pejabat Perjawatan, mengambil daya usaha, menyebabkan pegawai² yang tidak layak lagi ini dan pegawai² yang lemah semangat ini di-berhentikan; buat shor atau pun hantar laporan kapada pehak Public Service Commission.

Saya beri mithalan, Tuan Pengerusi, kita lihat ada, saya kata sa-tengah², bukan semua, ada sa-tengah² pegawai² Kerajaan tengok saha, jam 4.30 petang,

mereka angkat ponggong dan keluar daripada office. Mereka tidak tunggu lagi 2—3 minit, walau pun banyak perkara² yang mustahak (urgent matters) yang ada di-hadapan mereka di-atas meja.

Dengan pegawai² yang sa-macham ini saya berani tegas ada kala-nya tidak-lah berpadanan dengan gaji yang mereka terima dan juga saya shorkan kapada pehak yang berkuasa dan kapada Pejabat Perjawatan supaya menghantar pegawai² yang lemah semangat ini dan pegawai² kurang chekap, yang kurang rajin sa-berapa banyak kali ka-Pusat Latehan Pentadbiran yang ada dalam negara kita ini. Juga saya shorkan kapada pehak Jabatan yang berkenaan, Pejabat Perjawatan, dan pehak yang berkuasa, supaya menubuhkan satu badan khas untuk menyiasat dan membuat laporan mengenai pegawai² yang kurang chekap ini oleh kerana di-dapati, Tuan Pengerusi, sa-tengah² Ketua Pejabat enggan, segan atau pun takut hendak membuat report dengan terang² atau pun membuat shor supaya mereka² yang bekerja di-bawah-nya di-berhentikan daripada jawatan dengan mendapat penchen oleh kerana kerja tidak chekap dan kurang semangat.

Tuan Pengerusi, seperti saya kata tadi, bukan saya bermaksud kita mesti terlampau keras, tetapi apa yang kita hendak ingat ia-lah kalau kita terlampau lembut yang bukan pada tempat dan masa-nya, maka akibat-nya ia-lah hasil kerja yang tidak memuaskan hati. Maka untok menambahkan kema'amoran dan kesejahteraan dan keadilan negara, saya berpendapat patut-lah perkara² yang saya shorkan ini dilaksanakan dengan sa-berapa segera juga.

Sekarang saya sentoh perkara S. 7, muka 45, Bahagian Peranchang Ekonomi. Tuan Pengerusi, saya shorkan supaya bahagian Peranchang Ekonomi di-perbesarkan lagi oleh pehak Kerajaan dengan menambah pegawai²-nya dan pakar² ekonominya. Di-dalam tiap² sa-buah negara, tidak boleh orang menapikan ia-itu bahagian Peranchang Ekonomi ini

sangat-lah mustahak, kalau ada cukup kakitangan dan pakar²-nya saya shorkan pehak Bahagian Peranchang Ekonomi menggalakkan Kerajaan negeri masing² menubuhkan satu badan ekonomi bagi maksud kemajuan ekonomi negeri atau di-dalam bahasa Inggeris-nya *State Economic Development Board*. Saya shorkan juga kapada bahagian Peranchang Ekonomi ini memberi pinjam perkhidmatan pakar²-nya kapada Kerajaan negeri ini supaya dengan ada-nya penubuhan *State Economic Development Board* tadi tiap² negeri dalam Malaysia ini akan dapat dengan chepat menambah hasil negeri-nya.

Saya shorkan juga kapada Bahagian Peranchang Ekonomi ini dari sa-masa ka-samasa membuat penyiasatan dan membuat laporan mengenai kedudukan ekonomi ra'ayat² di-luar kawasan bandar supaya Kerajaan dapat mengetahui sa-jauh mana-kah ra'ayat di-luar kawasan bandar ketinggalan ka-belakang mengenai kedudukan ekonomi mereka dan juga dapat mengetahui chara² untuk mengatasi dan chara² untuk memperbaiki kedudukan ekonomi itu. Satu perkara barangkali yang boleh di-buat ia-lah pehak Bahagian Peranchang Ekonomi ini memberi galakan kapada penuntut² ekonomi Universiti Malaya membuat penyiasatan di-negeri² di-dalam Malaysia ini mengenai kedudukan ekonomi di-luar kawasan bandar muga² kita berharap dengan ada-nya galakan itu dan dengan ada-nya penyiasatan dan laporan itu, sa-lain daripada faedah lain², kita juga dapat mengubahkan atau pun menukar dan membangkitkan semangat untuk menjaga diri sendiri atau pun ekonomi sendiri di-kalangan ra'ayat di-luar kawasan bandar.

Tuan Haji Othman bin Abdullah (Hilir Perak): Tuan Pengerusi, saya hendak menyentoh hanya beberapa perkara sahaja. Yang pertama-nya ia-lah berkenaan dengan Kepala 1, Parlimen, di-mana di-dalam Pechahan-kepala 10, Anggota Parlimen ini telah dapat menyelamatkan wang peruntukan bagi Parlimen bagi tahun hadapan sa-banyak \$50,000 tentang

bayaran keretapi dan kapalterbang. Dan walau bagaimana pun juga Anggota Parlimen ini telah bersedia memberikan pengorbanan sedikit sa-banyak untuk mengurangkan perbelanjaan bagi peruntukan Parlimen ini. Hanya satu sahaja saya suka menarek perhatian Menteri yang berkenaan ia-itu layanan terhadap Anggota Parlimen ini nampak-nya Anggota Parlimen kita ini nama sahaja yang gagah Anggota Parlimen tetapi manakala sampai kapada sa-suatu *function*, mithal-nya, Anggota Parlimen tinggal-lah terchorot di-belakang. Mithal-nya, kita adakan satu upacara pembukaan Parlimen, maka berkeliaran-lah macham kambing² yang keluar dari kandang Anggota Parlimen itu di-belakang dudok-nya sedangkan yang hendak di-buka ia-lah Dewan Parlimen itu sendiri atau pun *Session* bagi Parlimen baru, bagi persidangan baru, dan manakala dia balek ka-kawasan masing², di-daerah, di-negeri²-nya dia pun sa-rupa juga-lah macham kambing yang baru keluar daripada kandang yang tidak tahu di-mana tempat-nya. Jadi, pandangan dan layanan, atau pun penghormatan terhadap Anggota Parlimen ini baik pada masa dia sendiri dudok dalam Parlimen atau di-luar Parlimen atau di-negeri ini kedudukan Anggota Parlimen itu tidak-lah wajar, tidak-lah patut dan menyedehkan, di-bandingkan dengan Anggota² Dewan Negeri, mithal-nya, di-negeri-nya masing². Jadi, saya rasa penghargaan terhadap Anggota Parlimen ini patut-lah dipandang berat supaya orang tidak memandang Anggota Parlimen kita ini sa-bagai Anggota Parlimen yang tidak bernilai sedikit pun, baik di-dalam *functions*, *State* atau *Federal*, yang di-adakan oleh Kerajaan.

Tuan Pengerusi, beberapa Anggota telah menyebutkan berkenaan dengan bangunan Parlimen kita ini satu bangunan yang gagah dan indah dan ada tiap² anggota Parlimen ini mempunyai bilek-nya tersendiri di-atas, tetapi saya rasa tidak semua Ahli Parlimen yang tahu bilek-nya nombor berapa, yang naik ka-atas pun tidak ada, hendak tengok mana bilek dia, kalau dia masok pun hanya satu kerusi,

satu talipon, satu meja sahaja yang tempat gantong baju, dan rasa saya bilek-nya itu tidak-lah menunjukkan tempat dia boleh gunakan tempat itu bagi kepentingan dia sa-bagai Anggota Parlimen. Tetapi, kalau-lah di-elokkan sedikit tempat itu supaya dia gemar duduk di-situ dan membuat kerja sedikit di-dalam bilek itu tentu-lah agak-nya bilek itu tidak akan lengang sa-lama²-nya, jangan-lah bangunan Parlimen ini di-jadikan tempat orang buang diri sahaja dan lama² besok sa-orang pun tidak hendak duduk dalam bilek-nya sebab berhantu (*Ketawa*). Tuan Pengerusi, ini satu daripada perkara yang patut di-perhatikan supaya bangunan Parlimen kita ini biar-lah di-kawal dengan baik walau pun banyak orang tengok² bangunan Parlimen kita ini tetapi jangan-lah dia menchemarkan tempat yang termashor sa-kali menghabiskan nyawa.

Tuan Pengerusi, saya tertarek kapada masaalah Latehan Pegawai. Kita sekarang ini mempunyai satu Dewan bagi latehan pegawai² Kerajaan kita, guna-nya dan faedah-nya Dewan Latehan ini supaya pegawai² kita itu dapat menyesuaikan diri-nya atau dapat mensetarakan diri-nya sa-bagai sa-orang pegawai Kerajaan di-dalam sa-sabuah negara yang merdeka. Maka Dewan Latehan ini merupakan satu tempat untuk memulehkan fikiran dan pandangan pegawai² muda atau pegawai² yang telah tua supaya mereka itu dapat memberikan khidmat lebeh kapada ra'ayat yang di-pimpin-nya di-daerah-nya masing². Saya ada juga-lah sa-sakali pergi ka-Dewan Latehan pegawai ini dan banyak perkara² yang patut di-semak, di-terima fikiran pegawai² itu, sebab pegawai² ini dia hendak berchakap, susah sedikit, sebab kalau dia berchakap lebeh, orang kata dia ini melampau² sangat, dan kena pindah sana, kena pindah ka-mari, tetapi kalau-lah kita ambil fikiran-nya pada satu masa dulu pernah saya pergi ka-sana dan mendengar fikiran² daripada pegawai² itu, apa yang menjadi masaalah kerumitan bagi dia sa-bagai pegawai sama ada dia sa-bagai Pegawai Daerah atau Penolong Pegawai Daerah apa-kah kesulitan yang

timbul waktu dia menjalankan tugas-nya.

House resumes.

Mr (Deputy) Speaker: Meshuarat ini di-tanggohkan hingga pukul 4.00 petang.

Sitting suspended at 1.00 p.m.

Sitting resumed at 4.05 p.m.

(Mr (Deputy) Speaker in the Chair)

THE SUPPLY BILL, 1967

The House immediately resolved itself into Committee of Supply.

(Mr (Deputy) Speaker in the Chair)

Heads S. 1, S. 2, S. 3, S. 4, S. 5, S. 6, S. 7, S. 8, S. 9, S. 10 and S. 11—

Debate resumed.

Tuan Haji Othman bin Abdullah:

Tuan Pengerusi, menyambong ucapan saya berkenaan dengan Dewan Latehan Pegawai pada sa-belah tengah hari tadi, yang saya memandangkan bahawa Dewan Latehan Pegawai ini ada-lah mustahak sa-kali dan ada-lah satu langkah yang bijak bagi Kerajaan kita mengadakan Dewan Latehan Pegawai ini, di-mana pegawai² kita dapat latehan yang sempurna dan dapat pula menyesuaikan diri mereka itu dengan kehendak² pembangunan negara kita.

Saperti mana pada tahun yang sudah pernah saya sebutkan, bahawa ada pegawai² kita ini terbahagi kapada dua. Pertama-nya pegawai yang hidup dalam dua zaman—zaman penjajah dan kemudian zaman kemerdekaan ini. Dan ada pegawai² yang hidup di-satu zaman sahaja ia-itu di-zaman kemerdekaan ini. Di-antara kedua² pegawai dan bentuk pegawai² ini, terutama sa-kali pegawai² yang dahulu-nya, telah hidup lama di-zaman penjajahan, memang ada terasa atau pun di-dalam amalan² mereka itu terdapat sa-suatu yang berbentuk penjajahan yang sedikit demi sedikit dapat di-kikis dan dapat pula di-perbaiki hingga mereka merupakan pegawai² yang sangat di-hajatkan oleh ra'ayat negeri ini. Bagi

saya sendiri, saya mengucapkan sa-tinggi² terima kaseh kapada Pegawai² Kerajaan, terutama sa-kali di-dalam bidang pembangunan negara sekarang, yang telah berjalan beberapa tahun dan kita nampak bahawa pegawai² kita ini-lah daripada Kerajaan Pusat sampai kapada Kerajaan Negeri dan sampai kapada Daerah², mereka telah bekerja siang dan malam bagi menjayakan rancangan² pembangunan negara yang di-lancarkan daripada satu masa ka-satu masa, dan daripada hasil Kerjasama daripada pegawai² ini kita telah dapat melihat pembangunan negara itu mendapat pujian dan sanjongan bukan sahaja dalam negeri ini tetapi juga ia-lah daripada luar negeri.

Tuan Pengerusi, pujian yang saya berikan kapada pegawai² ini patut diambil perhatian, terutama sa-kali oleh pegawai² yang berkenaan supaya mereka lebeh mendampingkan diri-nya dengan ra'ayat serta mendampingkan rasa simpati mereka itu terhadap ra'ayat. Memang ada di-antara pegawai² kita itu yang tidak memuaskan hati kita, terutama kalau ada pegawai² yang kasar, mithal-nya terhadap ra'ayat, tetapi ini tidak-lah semua-nya. Bagi kawasan saya sendiri, Tuan Pengerusi, saya bermegah dengan Pegawai² Jajahan, Pegawai² Daerah saya di-Hilir Perak dan Penolong Pegawai Jajahan di-Kampung Gajah, Enche' Jalil, yang telah bekerja siang dan malam dalam masa malapetaka banjir dahulu. Waktu saya pergi melihat kedudukan banjir dalam kawasan saya itu, saya perhatikan Penolong Pegawai Jajahan di-Kampung Gajah itu telah berubah kulit-nya daripada kulit-nya yang kuning langsung itu, menjadi hitam pekat oleh kerana dia bekerja sampai 48 jam siang malam tidak tidur sampai tiga hari tiga malam dan terpaksa tidur di-atas motor boat sahaja. Jadi, kapada pegawai yang saperti ini-lah yang saya mengucapkan berbanyak² terima kaseh kerana simpati mereka kapada ra'ayat yang sedang di-landa oleh malapetaka itu.

Tuan Pengerusi, bagitu juga saya rasa ada kawasan² di-mana yang tidak terlibat oleh banjir itu telah di-pindah-

kan orang² yang kena melapetaka banjir, ka-kawasan mereka, walau pun Pegawai² Kerajaan di-situ tidak ada sangkut-nya dengan kejadian banjir, tetapi Pegawai Kerajaan di-situ telah bekerja siang dan malam untuk membantu mangsa² banjir dan, saperti mana yang di-sebutkan oleh Yang Amat Berhormat Tun, kalau kerjasama yang saperti ini dapat di-kekalkan di-antara ra'ayat dengan Pegawai² Kerajaan tidak ada sa-suatu perkara yang tidak dapat kita atasi dan tidak ada satu perkara yang tidak dapat kita perbaiki di-antara Pegawai² Kerajaan dengan ra'ayat.

Saya suka menarek perhatian, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan yang tidak di-namakan Pegawai Kerajaan, tetapi dia merupakan saluran perantaraan di-antara Kerajaan dengan ra'ayat ia-itu Ketua² Kampong. Ketua² Kampong, walau pun dia bukan pegawai Kerajaan, dia tidak mendapat gaji yang tetap pada tiap² bulan, tetapi mereka ini bekerja, bekerja untuk kepentingan Kerajaan dan juga untuk kepentingan ra'ayat lebeh daripada Pegawai Kerajaan sa-tengah²-nya. Maka pada mereka² yang saperti ini, terutama sa-kali saya-lah dalam kawasan yang di-landa banjir ini tidak melupakan jasa dan ikhtiar mereka bagi menolong ra'ayat dalam kawasan itu.

Tuan Pengerusi, berchakap berkenaan dengan perkara Kepala 9, saya tidak faham Sekolah Bahasa China ini bagi Pegawai² Kerajaan perlu di-kekalkan, apa lagi dalam tahun 1967 ini. Kita akan mengamalkan sa-dapat mungkin bahasa kebangsaan, atau bahasa Malaysia itu menjadi bahasa yang dapat di-laksanakan di-antara Pegawai² Kerajaan dengan orang² ramai. Dan orang² ramai dapat menghubungkan urusan-nya dengan Pegawai Kerajaan, dengan melalui bahasa kebangsaan atau bahasa Malaysia. Maka saya tidak nampak apa-kah sebab-nya Sekolah Bahasa China ini perlu di-kekalkan dan kalau perlu di-kekalkan, sampai berapa tahun-kah sekolah yang saperti ini mustahak bagi pegawai² kita untuk mempelajari bahasa China sa-kali pun dia bukan orang China mithal-nya.

Tuan Pengerusi, berbalek saya kepada sedikit masaalah lagi ia-itu Pechahan-kepala 9 di-dalam Head S. 7, muka surat 54 perkara yang telah disentuh oleh banyak daripada Ahli² Yang Berhormat berkenaan dengan Pertandingan Membacha Quran Tahunan yang pada tahun 1966 berjumlah \$60,000 dan pada tahun 1967 ini akan berlipat ganda dengan jumlah \$120,000. Dengan penambahan perbelanjaan ini kita nampak bahawa kepesatan atau kemajuan pertandingan ini makin diminati dan makin mendapat tempat yang wajar bukan sahaja di-negara kita di-Malaysia ini tetapi juga ia-lah bagi negara² di-mana umat Islam itu berada dan pada pertandingan yang telah lalu nampak-nya pertandingan itu lebeh meriah dan lebeh mendatangkan kesan. Walau pun pertandingan ini oleh sa-tengah² Ahli Yang Berhormat, terutama sa-kali Ahli Yang Berhormat dari Bachok, dia tidak menentang pada asas-nya tetapi memandang bahawa perkara membacha ini sahaja tidak mendatangkan apa² dan dia telah menyebutkan bahawa bachean Quran itu sa-bagai keronchong kepada tuan guru, maka saya amat-lah berdukachita-nya kalau Yang Berhormat itu telah menurunkan taraf pembacaan—al-Quran—kitab suchi itu—kapada taraf keronchong dan kalau dia menganggap ini sa-bagai keronchong, patut-lah agak-nya Ahli² Yang Berhormat daripada PAS telah menggunakan keronchong² ini untuk menipu ra'ayat dalam negeri Kelantan.

Tuan Pengerusi, saya rasa Ahli Yang Berhormat daripada PAS sendiri tidak bersetuju dengan chakap dia ini, hendak menjatuhkan taraf Quran itu kapada taraf keronchong. Sa-belum dia berchakap tadi dia mengatakan nanti orang akan tudoh dia sa-bagai orang mushrik kata dia. Orang tidak ada hendak menudoh dia orang mushrik tetapi kalau memainkan al-Quran dan menganggap Quran itu sa-bagai keronchong, maka saya rasa mungkin dia jatuh kapada taraf itu.

Tuan Mustapha bin Ahmad (Tanah Merah): Saya minta jalan daripada Ahli Yang Berhormat itu. Kita semua ada dengar yang di-katakan bachean

Quran sa-bagai keronchong sa-kira-nya Quran itu di-bacha sa-kadar untok di-bacha sahaja itu pun sudah bagus tetapi hendak memperbaguskan lagi, itu sahaja maksud, *motive* dia. Jadi Ahli Yang Berhormat itu sa-benar-nya suka menchetuskan api antara PAS dengan Perikatan sebab dia asal-nya orang PAS, biar-lah dia di-tengok sebagai tokoh yang paling benchi kapada PAS, mudahan² di-angkat menjadi Setia-usaha Politik Menteri.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Saya rasa Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah itu tidak akan tahu apa isi dalam perut Ahli Yang Berhormat daripada Bachok, sebab dia bukan Allah Ta'ala. Tetapi apa yang kita dengar chakap dia tadi nanti kalau dia sebutkan perkara ini, orang akan menudoh dia sa-bagai mushrik, kata-nya, Quran ini dengung² lagu-nya sahaja hanya ia-lah keronchong kapada tuan² guru. Saya tidak mengerti faham macham keronchong ini, lain-lah, Tuan Pengerusi, Quran lain. Jadi kalau hendak di-samakan Quran dengan keronchong, erti-nya menyamakan kalamullah, kalau Tuhan, yang kadim dengan kalam yang baharu. Jadi, bila menyamakan yang baharu dengan yang kadim ini boleh jatuh kapada darjat mushrik, sama ada mushrik ini dengan sebab main² sahaja—chakap-nya main² dengan niat-nya atau dengan amalan-nya, salah satu dia jatuh kapada peringkat mushrik. Jadi, saya tidak tahu-lah tuan guru kita Yang Berhormat daripada PAS membenarkan atau tidak chakap saya ini. Mushrik itu boleh jatuh dengan sebab main², macham dia nyatakan bahawa lagu Quran ini macham lagu keronchong. Kalau dia hendak berchakap bahawa patut-lah kita mengadakan satu ikhtiar bagi hendak mengembangkan ajaran al-Quran ini dengan satu pelajaran yang lain di-samping peraduan ini, ini satu usul yang membeni, tetapi kalau menyebutkan pembacaan ini sa-bagai keronchong, saya tidak bersama dengan ahli² PAS dalam perkara ini. Bukan-lah masaalah saya keluar daripada PAS ini tidak timbul tetapi kalau sa-kira-nya orang PAS menganggap Quran sa-bagai keronchong, saya akan

kempen kapada negeri Kelantan meng-atakan orang PAS menggunakan Quran sa-bagai keronchong sa-hingga dengan keronchong itu dia menipu ra'ayat negeri Kelantan.

Tuan Pengerusi, jadi bila perbelanjaan ini sudah naik daripada \$60,000 kapada \$120,000 ma'ana-nya pandangan dunia kapada peraduan al-Quran ini sudah tinggi, jangankan kata kita ini-lah yang membacha Quran, sa-tengah² Ahli Yang Berhormat daripada PAS ini juga tidak mengerti membacha Quran dan tidak mengerti isi dia. Itu tidak dapat kita nafikan, bukan semua yang tahu perkara ini. Dia bukan sahaja mentafsirkan dzahir-nya tafsiran Quran itu, Tuan Pengerusi, tetapi dia ada mempunyai alat yang lain, dia mempunyai ilmu tafsir, dia mempunyai ilmu usul fikah, dia mempunyai kaitan dengan ilmu² yang lain—ilmu alat ilmu mantek, ilmu ma'ani, bayan dan semua-nya untuk memahami satu ayat, satu kalimah di-dalam al-Quran, bukan sa-kadar hendak tafsir dan gunakan itu. Ini menimbulkan nanti salah faham seperti mana pernah di-gunakan oleh orang² PAS salah² faham daripada ayat² Quran itu.

Jadi, Tuan Pengerusi, bila kita tengok kapada perkara yang lain, kita nampak ada ikhtiar Kerajaan yang pertama sa-kali untuk mengekalkan al-Quran ini di-dalam kepala tiap² warganegara Islam dalam negeri ini, maka di-adakan-lah sa-orang guru, hafiz al-Quran di-Masjid Negara dan dia mendapat Division I—sa-bagai pegawai Kerajaan Division I, untuk mengajar ra'ayat yang Islam dalam negeri ini menghafal Quran, bila sudah hafal Quran, ada-kah ini satu benda yang bertentangan dengan Quran? Saya rasa tidak. Kalau dia bacha sahaja sa-kali pun ala kullihal dia bacha tidak mengerti pun tidak apa asalkan dia hafal, kemudian timbul-nya chinta dan kaseh dia kapada al-Quran. Jadi, ini-lah satu daripada hikmat mu'jizat Quran itu, Tuan Pengerusi. Orang bacha tidak mengerti pun dia merasa sedap, ini satu mu'jizat kalau dia mengerti lagi sedap, dia tidak mengerti "Allah",—"Allah" kata dia sa-kali pun ayat yang di-bachakan-nya itu

mengutok dia sendiri dia bacha "Allah—Allah" sikap-nya al-Quran itu sa-hingga tidak dapat hendak di-ubah daripada zaman ka-zaman kalau di-perdalamkan, di-hafal lagi dan di-adakan pengajian seperti mana dalam Masjid Negara sekarang ini kita akan adakan kutub khanah, kita akan adakan pegawai² untuk mentafsirkan Quran, untuk bagitu dan bagini mengekalkan pengajian Quran. Saya rasa pertandingan ini akan lebih meriah pada tahun² yang akan datang dan akan menunjukkan satu bentuk yang terang bahawa negara kita ini bukan memandang sepi kapada pengajian Quran tetapi memandang tinggi kapada pengajian al-Quran.

Penghabisan-nya sa-kali, Tuan Pengerusi, saya suka menarek perhatian kapada Pechahan-kepala 12—Lawatan Sambil Belajar yang saya rasa patut di-semak sa-mula Lawatan Sambil Belajar ini. Biar-lah walau pun tahun sudah \$500,000 tahun ini \$400,000 di-untukkan, bagitu juga di-dalam Parli-men maseh ada lagi peruntukan untuk Ahli² Parlimen hendak keluar negeri, saya rasa patut-lah di-pileh tempat² yang hendak pergi melawat itu, jangan hanya kita tumpukan ka-Taiwan, Hongkong, Chengmai, Hadnyai atau Sungai Golok sahaja tetapi kita berilah tempat² yang boleh menambah fikiran orang² Islam yang menjadi anggota Parlimen ini, daripada kita hantarkan dia ka-Taiwan, ka-Jepun, ka-Formosa segala² macham ini lebih baik kita suroh dia ka-Timor Tengah, mithal-nya ka-India, ka-Pakistan di-mana pembangunan mereka itu hampir sama dengan kita, hendak pergi ka-negeri Jepun, negeri itu sudah maju tetapi kalau kita pergi ka-India, ka-Pakistan, ka-Saudi Arabia mithal-nya, bila sampai ka-Saudi Arabia sambil menengok bagaimana development di-negeri Saudi itu dan sambil dia dapat menunaikan fardzu haji dia, alang-kah besar ma'ana-nya Lawatan Sambil Belajar ini dan dia terasa betul demo-krasi Islam bagaimana waktu melaksa-nakan ibadat haji di-Mekah. Dan kalau ada Ahli Yang Berhormat daripada Dato Kramat mithal-nya

hendak pergi ka-Mekah tengok bagaimana Islam berjalan, tengok demo-krasi di-sana, tengok bagaimana socialist dalam Islam, alang-kah baiknya dia mempelajari Islam bagaimana amalan-nya haji itu yang merupakan bentok socialist di-dalam Islam. Jadi saya menarek perhatian Kerajaan supaya

Enche' Lim Kean Siew: Mr Chairman, Sir, on a point of clarification. Is the Honourable Member from Hilir Perak, who switched over from the P.M.I.P. to the Alliance, now talking of socialism?

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Pengerusi, saya tidak hendak layan-lah chakapan dia itu, itu sudah lama punya cherita, sudah lapok.

Jikalau dia boleh pergi-lah ka-Mekah dia boleh tengok socialism Islam, bagaimana chara Islam itu berjalan dan memberi taraf hidup dan taraf kedudukan.

Tuan Lim Kean Siew: (*Bangun*).

Mr Chairman: (*Kapada Tuan Lim Kean Siew*) dia tidak beri jalan.

Tuan Lim Kean Siew: Mr Chairman, Sir, I do not know why he is trying to recommend to me to go to Mecca. I am not a Muslim and I do not intend to go to Mecca.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tidak pergi sudah-lah. Kalau—ini cherita kalau, daripada pergi ka-Russia lebih baik pergi ka-Mekah, tengok.

Lawatan Sambil Belajar, kata saya, sa-kira-nya dia pergi ka-tempat² yang saperti itu tidak usah-lah ka-Peking, untong-lah Parti Buroh boleh mendapat ilham baharu pula di-situ, tetapi kalau pergi ka-Mekah saya rasa lebih mendatangkan menafa'at kapada dunia dan akhirat, bagitu juga kapada negeri² yang baharu membangun di-Afrika yang hidup mereka itu sama dengan kita, sejarah mereka itu sama dengan sejarah kita. Kalau mereka itu pergi ka-sana—lawatan itu ka-sana—bukanlah dia hendak berpoya² tetapi dia

hendak mempelajari pembangunan di-negara itu.

Jadi itu-lah, Tuan Pengerusi, yang saya shorkan kapada Kerajaan ini supaya mendapat perhatian.

Tuan Lim Kean Siew: (*Bangun*).

Mr Chairman: Dia hendak menerangkan sedikit fasal kesilapan perchakapan dia tadi.

Tuan Lim Kean Siew: Mr Chairman, Sir. It has been drawn to my attention that this morning when I was referring to parliamentary reporters I said parliamentary reporters instead of parliamentary part-time reporters. Apparently what I said was that parliamentary reporters had left the service and that there was dissatisfaction. What I should have said was that under the present part-time system where part-time reporters have left the service and you have got new reporters, it can bring about dissatisfaction in the Parliamentary Service and this system should be corrected as quickly as possible.

Sir, I rise to make that correction, because apparently I said something wrong this morning.

Tuan Haji Hussein Rahimi bin Haji Saman (Kota Bharu Hulu): Tuan Pengerusi, saya hendak chuba berchakap sedikit mengenai Butiran dalam S. 7 di-muka 51—Hafidz Quran, bagitu juga berkenaan dengan Pertandingan Membacha Quran dan Perayaan Hari Ugama akan saya sebutkan sedikit sa-banyak.

Tuan Pengerusi, saya uchapkan ribuan terima kasih kapada Tuan Pengerusi, kerana memberi peluang kapada saya untuk saya berchakap pada hari ini walau pun tidak banyak perkara yang saya hendak berchakap pada hari ini tetapi saya rasa ada-lah perkara itu penting di-sisi saya walau pun di-sisi orang lain tidak penting tetapi penting di-sisi saya.

Tuan Pengerusi, masaalah Hafidz Quran—sa-malam kalau saya tidak silap ada-lah elok bagi Yang Berhormat Wakil daripada Trengganu

Utara ada berchakap tentang Hafidz Quran di-Masjid Negara, tetapi pehak Yang Berhormat menyentoh di-atas keadaan negeri Kelantan tidak menghantar orang untuk menghafidz Quran di-Masjid Negara. Betul dan benar perkara yang sa-macam itu, Tuan Pengerusi, tetapi yang belajar menghafidz Quran tidak ada di-Masjid Negara, Guru yang di-Masjid Negara itu ada-lah daripada Kelantan. Tolong beri tahu, tolong fikir sedikit Wakil daripada Trengganu Utara. Guru yang ada di-Masjid Negara itu ada-lah daripada Kelantan.

Tuan Pengerusi, bila saya sebut masaalah hafidz Quran rasa saya dukachita bila memandang kepada Estimate yang ada tentang gaji di-situ. Hafidz Quran, Tuan Pengerusi, 6,660 ayat yang hendak terkandung di-dalam dada sa-saorang itu amat-lah susah. Rasa saya di-dalam Malaysia ini barangkali kalau ada pun tidak sampai 10 orang yang hafidz Quran, sedangkan ra'ayat yang ada di-dalam Malaysia ini meningkat kepada 10 juta orang, tetapi rasa saya tidak sampai 10 orang yang hafidz Quran tetapi gaji yang di-beri kepada dia itu chuma tiap² satu bulan \$580. Rasa saya kalau kita memandang kepada keadaan orang yang hafidz Quran begitu susah hendak mendapat, kalau-lah kita bagi ribuan ringgit—saya tidak hendak sebutkan berapa yang tetap—amat-lah mendukachitakan. Bagus kalau kedudukan yang sa-macam ini tetapi itu-lah bukti-nya, sedangkan hari ini di-dalam negeri kita ini ada-lah ugama Islam ugama rasmi di-dalam negara kita. Yang kita hendak rasmi-kan ugama Islam, Tuan Pengerusi, rasa saya mengikut pendapat saya, mengikut saya punya belajar, tidak boleh dapat—kalau kita asaskan perkara Quran dan hafidz dan ada-lah dua tiga perkara lagi yang bersangkutan yang tidak suka saya sebutkan di-sini lagi dengan kerana saya hendak menjimatkan masa, Tuan Pengerusi. Inilah benda yang saya rasa meragukan hati bukan sahaja kepada saya, Tuan Pengerusi, bahkan kepada orang yang rasa tanggung-jawab di-negeri ini.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya masok-lah pula kepada

masaalah Pertandingan Membacha Quran tahun yang akan datang—Pechahan-kepala 9. Ini ada-lah satu perkara yang bagus, rasa saya tidak ada ubah dan tidak lari daripada yang saya chakapkan ini, daripada sahabat saya sendiri daripada Bachok dia berchakap itu ada-lah baik, bagus. Chuma sahabat saya daripada Bachok itu dia berchakap, kalau-lah boleh yang di-sebutkan sedikit sa-banyak itu saya pun tidak tahu-lah apa kehendak dia, tetapi patut pehak Wakil daripada Hilir Perak tahu kehendak² di-dalam perut orang lain yang dia menudoh Wakil Tanah Merah tidak tahu Tuhan, tetapi dengan menudoh kepada Wakil itu dia, rasa saya, dia ini macham itu juga tidak ada kedudukan Ahli Yang Berhormat. Sebab chuba kita tinjau, tengok, apa yang di-chakapkan, apa yang di-chakapkan oleh Ahli daripada Bachok itu, kalau kita melanjutkan, kalau kita buat tafsiran, yang dengan tafsiran itu boleh di-antara orang² ini, memandang kepada tafsiran itu begitu-lah orang² bangsa lain daripada ugama Islam maka amat baik. Jadi kita tahu-lah apa yang telah di-chakapkan oleh Ahli daripada Bachok itu ia-itu Pertandingan Membacha Quran satu daripada benda yang baik tetapi ada yang lebih baik daripada itu.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya suka menyentoh sedikit, kalau mengikut orang ini masaalah Pertandingan Membacha Quran itu bagus-lah dan di-sambut, di-sanjong baik oleh pehak pemerintah negeri ini. Pada tahun dahulu chuma \$60,000 tetapi pada tahun ini \$120,000.

Tuan Pengerusi, yang saya hendak sebutkan, Tuan Pengerusi, Pertandingan Membacha Quran macham ini dia orang dudok tutup telinga dan ada-lah pengadil-nya dudok di-situ yang chukup, maka tunggu-lah dia buat-lah pengadil-nya supaya meletakkan ini yang dapat mengesahkan telinga yang dua, maka yang dapat nombor satu, dua, boleh pergi ka-Mekah dengan free atau ka-Timor Tengah. Ayat itu juga, Tuan Pengerusi, saya tidak hendak membacha ayat ini, saya tahu orang ini kerana masa sudah suntok sangat, saya hendak menjimatkan masa bagi saya chukup

penting bagi negara ini untuk masa ini, ayat itu juga di-bacha oleh orang lain, tetapi di-sebutkan ma'ana-nya. Yang ma'ana-nya itu ada-lah meragu²kan kapada kedudukan Kerajaan pada masaalah ini maka dengan sebab itu free juga ka-mana pergi—Batu Gajah free tetapi free pergi Batu Gajah.

Tuan Pengerusi, ini-lah yang menyedehkan. Saya ada terdengar juga hari ini daripada Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara yang berchakap, yang mengatakan pehak Parti Islam sa-Tanah Melayu mengkafir²kan kapada manusia. Ta' pernah berlaku, Tuan Pengerusi, perkara yang sa-macam ini. Sebab, di-dalam negeri Kelantan, bagitu juga dalam negeri² yang lain, Yang di-Pertua Dewan Ulama', maka saya-lah

Tuan Ahmad bin Arshad (Bangun).

Tuan Haji Hussein Rahimi: Tunggu dahulu-lah, masa ta' berapa panjang.

Mr Chairman: Dia ta' bagi jalan.

Tuan Haji Hussein Rahimi: Ada masa-nya dia boleh chakap, fasal saya na' chakap ini ada perkara yang penting, jadi menyarukan dan menyudahkan kapada kedudukan, Tuan Pengerusi, chuba-lah kita fikir. Jadi, dengan kerana keadaan—saya sa-bagai Yang di-Pertua Dewan Ulama', mana satu, chuba-lah pehak Ahli Yang Berhormat itu tolong tunjukkan kapada saya siapa dia orang yang mengkafir²kan itu. Mana to' guru, mana to' alim, mana to' lebai yang mengkafir²kan manusia. Tetapi memang ada di-dalam Quran—memang ada di-dalam Quran dan memang ada di-dalam Hadith.

Tuan Ahmad bin Arshad (Bangun).

Mr Chairman: Dia tidak beri jalan.

Tuan Haji Hussein Rahimi: Masa singkat sangat—masa singkat sangat, Tuan Pengerusi. Saya na' berchakap ini pun banyak juga. Jadi, kalau macham ini—nantinya dia boleh chakap lagi.

Mr Chairman: Tolong ringkaskan sedikit.

Tuan Haji Hussein Rahimi: Ini saya na' ringkaskan-lah, tetapi kalau kedudukan yang macham ini, macham mana? Chuba-lah, Tuan Pengerusi, tolong pandangkan, pernah-kah saya berchakap, kalau ta' ada perkara yang penting dalam Dewan ini—ta' pernah saya berchakap, saya tunggu-lah. Ini-lah, Tuan Pengerusi, jangan-lah mengganggu kapada saya, saya ta' pernah mengganggu orang—ini kedudukannya. Dengan kerana itu, Tuan Pengerusi, di-negeri Kelantan, pada satu masa waktu orang dudok sebok, saya tengok dalam *Utusan Melayu* di-waktu Budget Meeting yang sudah yang waktu kafir-mengafir di-sebut, tetapi kafir-mengafir tidak berlaku di-negeri Kelantan. Saya balek ka-negeri Kelantan, saya buat meshuarat di-negeri Kelantan di-Majlis Ugama Islam, saya satu daripada ahli jawatankuasa Ugama Islam di-negeri Kelantan, ta' pernah ada pun masaalah kafir-mengafir kapada sa-siapa—ta' ada! Chuma, kalau ada, ada benda di-dalam Quran, dan dalam Hadith, Tuan Pengerusi, ada-lah benda itu bukan daripada PAS. Mana ada risalah yang di-buat oleh PAS yang mengkafir²kan? Kalau-lah ada di-dalam Quran benda² yang mengatakan macham ini, kalau ada di-dalam Hadith benda² yang mengatakan macham ini apa-lah kita na' katakan kapada PAS katakan-lah kapada Quran dan katakan-lah kapada Hadith itu—chabarkan-lah kapada Quran dan chabarkan-lah kapada Hadith. Ini baharu benar. Ini-lah satu daripada benda yang saya hendak sebutkan hari ini.

Sa-lain daripada itu, saya rasa kalau-lah kita buat lagi sa-bagaimana sahabat saya daripada Bachok tadi, buat pertandingan berkenaan dengan sharahan, tafsir Quran, bagitu dan bagini, maka ada-lah lebeh baik, kerana hari ini, saya aku benar pertandingan Quran itu baik, tetapi itu kulit sahaja. Kulit itu pun sudah baik, kalau isi kita buat, lebeh baik lagi. Tetapi kenapa hari ini ta' mahu isi, sedangkan kalau di-jalankan isi itu maka di-bawa ka-Batu Gajah. Ini kita fikir lebeh dahulu.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya rasa tidak saya hendak berchakap panjang, perbelanjaan hari² ugama Pechahan-kepala 40, \$8,000 ada menunjukkan estimate-nya. Saya ta' tahu macham mana chara dia itu. Saya harap pehak yang berkenaan, Menteri yang berkenaan, tolong-lah bagi tahu. Dan kapada ugama itu kapada ugama mana, saya ta' tahu—ta' ada di-terangkan di-situ. Dan kalau-lah kapada ugama Islam, chara mana \$8,000 itu kita na' buat di-dalam Malaysia ini. Tolong-lah bagi tahu penjelasan kapada kami bagitu juga kapada orang² yang ada di-dalam Dewan ini.

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Tuan Pengerusi, boleh-kah Ahli Yang Berhormat itu terangkan dalam muka berapa?

Tuan Haji Hussein Rahimi: Muka 55, Pechahan-kepala 40, ia-itu-lah Perayaan Hari² Ugama. Jadi, ada di-situ di-sebut \$8,000, tetapi ugama apa tidak di-sebutkan di-situ. Sebab ini, kalau mengikut sa-kali pandang, ugama Islam ugama rasmi, maka tepat-lah estimate itu pergi kapada ugama Islam-lah itu. Tetapi dengan chara mana hendak di-jalankan \$8,000 itu.

Sa-lain daripada itu, maka saya ucapkan tahniah banyak-lah kapada orang yang membuat pertandingan yang sa-takat itu, tetapi akan di-sambong dengan yang lain². Kalau sa-takat itu, maka di-namakan kulit sahaja.

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Tuan Pengerusi, perbincangan meliputi S. 1 sampai 11 telah di-jalankan semenjak kelmarin lagi dan suntok sampai kapada petang ini, dan saya rasa Ahli² yang telah memberi pandangan-nya dalam berbagai² hal meliputi 11 Kepala ini, pada keseluruhannya, telah banyak memberi pandangan² yang membena, dan saya mengucapkan banyak terima kasih-lah kapada Ahli² Yang Berhormat itu. Barangkali tidak-lah dapat saya hendak memberi jawapan meliputi pada tiap² satu pandangan atau pun

pertanyaan yang di-beri oleh kerana, sa-bagaimana yang di-ketahui, tidak-lah dapat sa-bagai satu orang makhluk hendak memenohi dan mengikuti bagitu banyak sa-kali pandangan² dan sa-paroh²-nya terlampau chepat, jadi barangkali ada-lah ketinggalan. Tetapi, walau macham mana pun, jikalau ada ketinggalan, dan ada yang merasa tidak puas hati, saya pohon-lah Ahli Yang Berhormat itu boleh-lah membuat pertanyaan atau pun menghadapkan soalan kemudian kelak, sama ada dengan bersurat dan sa-bagai-nya.

Pertama sa-kali saya masoki dalam perkara S. I—Parlimen. Ada beberapa orang Ahli telah berchakap dalam perkara Parlimen ini. Yang pertama sa-kali Ahli dari Raub telah berchakap dalam perkara supaya di-tambah Pemberita² dan juga supaya jawatan² dalam Parlimen ini di-jadikan jawatan berpersnshen atau pensionable. Jadi, suka-lah saya menjawab dalam perkara yang pertama, ia-itu kekosongan² untuk jawatan Pemberita yang tidak berisi ia-lah di-sebabkan, satu, pemohon² yang chukup mempunyai kelayakan sa-bagaimana dikehendaki tidak ada. Yang kedua, di-dapati lebeh murah jika di-ambil pekerja pemberita² sambilan dengan membayar sa-banyak \$35 sa-hari. Walau macham mana pun, sa-lepas bulan September, 1967 ini bila bahasa kebangsaan menjadi bahasa rasmi yang tunggal, maka perkara mengambil pemberita melalui bahasa Melayu lebeh banyak lagi akan di-pertimbangkan.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara ada menyentoh dalam soal Perpustakaan. Beliau telah memberi pandangan yang Perpustakaan yang ada ini tidak bagitu lengkap—buku²-nya boleh di-katakan ta' sampai satu suku yang mengisi ruangan² perpustakaan itu. Suka-lah saya menyatakan, memang-lah pandangan Ahli Yang Berhormat ini sangat di-ambil berat dan sa-benar-nya saya ingat lagi-lah, sejak dua tahun—1964 dan 1965, saya berchakap bagi pehak jabatan² di-bawah Jabatan Perdana Menteri ini, banyak pandangan²

supaya kutub khanah atau perpustakaan itu di-perkemaskan dan diperlengkapkan lagi. Jadi, untuk keterangan, suka-lah saya hendak menyatakan, sa-benar-nya kakitangan atau pegawai perpustakaan ada menchukupi buat sementara ini, dengan keadaan yang ada itu. Buku² sekarang ini ada sa-banyak 11,000 naskhah. Banyak sadikit-nya buku² bergantung kepada masalaah wang peruntokan. Pegawai perpustakaan yang ada ini, memanglah yang ada kelayakan dan mempunyai tauliah serta pengetahuan. Atoran penyusunan buku² itu pun ada-lah mengikut susunan buku² perpustakaan² yang ada di-dunia ini saperti di-University Malaya, Dewan Bahasa dan Pustaka, British Council dan lain² lagi.

Peruntokan bagi tahun ini, sa-bagaimana yang di-ketahui, ada-lah ditambah daripada \$3,750 naik kepada \$7,000 bererti sa-kali ganda lagi. Tetapi apa yang nampak-nya kurang memberi puas hati kepada Yang Berhormat itu ia-lah supaya walau pun di-tambah sa-kali ganda hendak-lah di-kemaskan dan di-perbesarkan lagi. Yang Berhormat itu memberi pandangan, jikalau di-bawa pelawat² luar negeri pun kadang² memalukan. Saya chukup aku, saya chukup setuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat itu, dan saya rasa tentu-lah pehak kita sama²-lah menchari jalan memperbaiki-nya lagi.

Berkenaan dengan chadangan supaya satu Jawatan-kuasa mengandongi Ahli² Dewan Ra'ayat dan Dewan Negara mengawasi perpustakaan itu, ini ia-lah satu chara yang boleh hanya di-buat sa-kira-nya Ahli Yang Berhormat itu atau sa-siapa juga yang ada kechenderongan dalam lapangan ini membuat satu motion, atau pun chadangan didalam Dewan ini. Dengan chara merojok kepada House Committee dan sa-bagai-nya itu, saya di-beri tahu tidak kena. Jadi, jikalau Yang Berhormat itu mempunyai kechenderongan yang besar dalam lapangan ini, bolehlah mengambil langkah² yang sesuai untuk tujuan yang tersebut itu.

Ahli Yang Berhormat dari Temerloh kelmarin ada memberi pandangan supaya di-adakan satu electronic press button system untuk menentukan Ahli² yang berchakap dalam Dewan ini, ia-itu mengikut kata beliau sa-paroh² negeri di-Amerika di-mana ada chara yang bagini. Jadi, memang-lah dari sa-masa ka-samasa akan di-chari jalan memperlengkapkan lagi Dewan kita ini, tetapi sa-bagaimana di-ketahui memang-lah kita ini sa-bagai mana ucapan Menteri Kewangan terpaksa berjimatcermat, jadi saya fikir perkara ini barangkali berat sadikit. Jikalau Ahli² Yang Berhormat itu pergi mithalnya ka-Bangsa² Bersatu atau United Nations pun, kalau saya ta' salah tiga empat tahun dahulu system dia pun lebeh kurang bagini-lah. Saya tidak tengok-lah electronic system di-tempat lain, saya ta' tahu-lah, tetapi di-United Nations belum ada lagi pada tiga empat tahun yang lampau, chuma kalau Ahli itu hendak berchakap dengan chara yang senang, di-beri-lah nama dia itu siang² lagi kepada Pengetua atau pun Pengerusi Dewan di-sini. Itu-lah chara pada masa itu.

Berkenaan dengan pandangan daripada Ahli Yang Berhormat daripada Batu ia-itu kelewatan jawapan² Bertulis yang di-bentangkan tiga empat hari lewat daripada hari pertama persidangan kita baharu² ini. Maka sa-benar-nya, bagaimana di-ketahui, Ahli Yang Berhormat itu sendiri sa-waktu menghantar soalan² kadang² bukan dengan sengaja tetapi dengan tidak sengaja tersilap menunjukan alamat² kepada Kementerian² yang lain. Kadang² saya sendiri ada menerima soalan² yang patut di-tujukan hal lalu-lintas kepada Kementerian Kerajaan Tempatan sampai kepada saya—Kementerian Kebudayaan. Yang patut sampai kepada Menteri Agriculture sampai kepada Culture, atau Culture sampai ka-Agriculture, macham² cherita-nya. Ini satu daripada kekeliruan. Jadi, menyebabkan bukan terpendap tetapi kelambatan berminggu dalam soal ini.

Yang kedua pula saya di-beritahu Dewan kita ini bersidang satu bulan sa-tengah. Jadi, di-fikirkan walau pun lewat 3-4 hari 19 haribulan mula kita

bersidang dan terbit pada 25 hari-bulan, ia-itu 6 hari, tetapi ada-lah chukup masa, lebeh daripada satu bulan lebeh kapada Ahli Yang Berhormat itu untuk membacha soalan² itu, atau pun hendak mengetahui dengan lebeh jelas untuk panduan mereka dalam membicharakan Supply Act dan lain² lagi ini.

Dalam pandangan Yang Berhormat Ahli daripada Batu berkenaan dengan Golf Course, atau pun lapangan golf di-hadapan Parlimen ini, suka-lah saya menyatakan, sa-benar-nya tidak ada satu ranchangan khas, atau peruntukan khas supaya di-buat lapangan golf di-halaman Parlimen ini, tetapi oleh kerana sesuai dengan pandangan kita sakalian supaya Kerajaan sentiasa berjimat dan gunakan jikalau ada kesempatan kata orang Melayu: Sambil menyelam sambil minum ayer—jikalau kebetulan ada peruntukan untuk mentadbirkan kawasan Parlimen kita ini, rumput² itu supaya sentiasa hijau dengan chantek-nya, jadi pehak Selangor Golf Club dan lain² lagi, suka hendak memberi rumput² yang sesuai untuk golf, untuk atas green dan sa-bagai-nya. Jadi, buroh² yang menjaga halaman Parlimen ini menggunakan rumput² itu dan buat-lah tempat² untuk permainan golf yang langsung tidak mengambil satu sen pun daripada allocation lain. Jikalau di-jaga hari² pun, rumput itu di-bersehhkan, di-elokkan, di-guntingkan dan sa-bagai-nya yang memakan tenaga itu juga, kalau 5 buroh 5 buroh juga, kalau 500-500 juga. Jadi, daripada di-biarkan chara itu lebeh baik-lah di-buat lubang Golf Course dengan chara itu kalau ada Ahli² Parlimen, ada saya tahu kadang² banyak Ahli² kita ini berumor sadikit—40 ka-atas—darah tinggi, macham²—sakit jantung. Jadi, kalau sudah ada di-sini bagus-lah juga practise golf sambil menyelam sambil minum ayer. Jadi, ini saya anggap satu perbuatan yang patut kita sakalian sajong tinggi.

Dalam perkara pandangan daripada Ahli Yang Berhormat Kelantan Hilir, ia-itu tiada terjemahan sa-rentak di-bilek Ahli² daripada Parti PAS Bilek 704. Sa-benar-nya yang saya di-beri-

tahu permohonan untuk menyediakan alat² pembesar suara ka-Bilek 704, ini akan di-panjangkan ka-Jabatan Tali-kom untuk di-taksirkan anggaran perbelanjaan-nya dan jikalau menasabah anggaran perbelanjaan-nya dan chukup perkakas alat pembesar suara ini, maka pekerjaan itu mungkin akan di-laksanak-an dan sementara itu, innallaha ma'as sabirin (*Ketawa*).

Berkenaan dengan pandangan Ahli Yang Berhormat itu, nampak-nya kata beliau tahun lepas ini telah mula ada-lah Ahli² pehak Pembangkang bersama dengan Ahli² Parlimen pehak parti pemerintah ka-luar negeri dalam Rancangan Lawatan Sambil Belajar, maka suka-lah saya menegaskan, memang-lah pada bila² masa pun sentiasa di-bawa Ahli Yang Berhormat daripada Pembangkang ini, chuma sadikit atau banyak, tetapi kadang² kalau kita hendak pergi pada satu² tempat, meeting yang mustahak, barangkali ada masa-nya pehak Pembangkang itu sendiri kurang senang-lah hendak pergi, oleh kerana barangkali ta' sesuai dengan pandangan Kerajaan pada masa itu. Jadi, kalau ketinggalan, bukan sengaja, tetapi satu perkara ketinggalan yang terpaksa di-tinggal-kan. Dalam perkara² yang biasa ini, saya perchaya sangat-lah di-ambil berat pehak Pembangkang ini dan baharu² ini boleh di-katakan dia punya percentage lebeh ramai kalau hendak di-kira daripada pehak parti pemerintah sendiri daripada segi proportion-nya. Ahli Yang Berhormat dari Melaka Selatan minta di-adakan pegawai khas untuk menjaga pelawat², oleh kerana kata-nya, baharu² ini ada kejadian satu orang datang ka-Parlimen ini naik ka-Block Tower, Menara Parlimen ini, dan terjatoh. Jadi, ma'alum-lah dalam perkara terjatoh ini, tak-lah dapat hendak di-elakkan, tetapi saya di-beri tahu, pehak Parlimen sekarang ini ada mengeluarkan satu arahan, surat perkeliling, tidak membenarkan mereka yang tidak berkenaan untuk naik ka-tingkat yang paling atas sa-kali itu. Kalau Member Parlimen sendiri naik, tak dapat-lah hendak di-elakkan dan jikalau Ahli Parlimen rasa sudah puas dengan dunia ini pun tak-lah kita

hendak kata apa². Terpulang-lah kepada beliau itu.

Jadi, langkah² yang sesuai telah diambil berkenaan dengan sa-orang penjaga pelawat ini untuk menjadi pemandu satu pandangan yang sangat membena. Dan tahun lepas pun kalau saya tak salah, memang ada pandangan ini. Jadi kerja saya sa-bagai Menteri yang tolong bawa ini, boleh-lah saya edarkan kepada pihak yang berkenaan untuk di-fikirkan. Jika sesuai dan munasabah, patut sangat-lah perkara bagini di-ambil perhatian yang berat.

Berkenaan dengan pandangan beliau supaya elaun² M.P. (Member Parlimen), daripada \$35 di-naikan \$50 dan juga rasa kesal beliau, susah hati beliau, kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjadi director filem dan sa-bagai-nya itu: terutama sa-kali suka-lah saya hendak menyatakan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu menjadi director itu bukan-lah soalnya kerana hendak menchari duit. Kalau ada report surat khabar, atau soal barangkali chakap chara gurau² sahaja. Pertama-nya itu satu hobby beliau, bagaimana barangkali, Yang Berhormat pun ada hobby, main buah gulikah apa-kah (*Ketawa*). Jadi, Perdana Menteri kita ini hobby dia-nya ia-lah golf, dan lapangan kebudayaan ini ia-lah dari segi kesenian² sa-chara bagini, yang ini-lah satu daripada kemegahan kepada kita, yang Perdana Menteri kita ini satu orang yang all rounder, yang boleh semua. Jempol menchapai kemerdekaan! Jempol! Chukup kuat dalam sukan dan juga chukup kuat dalam kebudayaan, hingga bagaimana Ahli² Yang Berhormat tahu, circular telah di-keluarkan kepada Ahli Yang Berhormat sakalian dan saya perhati di-tangga itu, ada sa-orang kerani tertunggu, teket² untuk derma banjir, anjoran Perdana Menteri, pun sedang di-jual kerana derma banjir, kerana pertunjukan Pusparama dua tiga hari lagi.

Saya suka-lah mengingatkan kalau Ahli Yang Berhormat yang belum beli lagi, sila-lah beli, sokong ranchangan yang baik ini.

Tuan Abdul Razak bin Hussin (Lipis): Untuk penjelasan ada-kah Menteri Yang Berhormat sedar, bahawa sa-nya pegawai Ranchangan Menanam Semula Kerajaan umpama-nya, mendapat gaji \$2,500 sa-bulan dan Menteri Muda umpama-nya \$2,000. Apa-kah taraf penilaian sa-orang pegawai Kerajaan dengan sa-orang Menteri.

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Budi bahasa, baik jahat sa-saorang itu bukan kerana wang-nya banyak. Tuhan masukkan shurga, bukan kerana kita ini ada harta bermillion². Bagitu-lah juga kita bergantung kepada mertabat sa-saorang. Sa-saorang itu di-katakan baik, di-sanjong tinggi, bukan-lah dia itu bergaji \$10,000 atau \$100,000. Jadi saya rasa dalam perkara ini, itu bergantung kepada keadaan². Kita ini Ahli Parlimen, siapa tak mahu duit, kalau boleh banyak, banyak lagi. Tetapi saya rasa, timing-nya, masa-nya barangkali apa hendak kata dan tidak bagitu mengizinkan untuk kita memikirkkan dalam perkara bagini.

Tuan Abdul Razak bin Hussin: Saya bersetuju dengan apa yang di-chakap oleh Menteri Yang Berhormat. Tetapi, sa-bagai sa-orang kakitangan dalam Jabatan Penyiasat Getah Asli umpama-nya yang dahulu dia sa-bagai pegawai dalam Jabatan Kementerian Pertanian dapat \$3,000 sa-bulan, sama dengan gaji Timbalan Perdana Menteri \$3,000 dan lain² Menteri. Bagaimana kedudukan perkara ini yang sa-patut-nya di-timbang oleh Kerajaan?

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Itu-lah saya telah terangkan tadi, mereka itu ia-lah orang² yang profesional, kita ini orang yang bukan kontrek, orang yang kontrek pilihan raya sahaja, lima tahun-kah. Kalau Perdana Menteri kata besok lipat tikar, besok-lah kita lipat. Jadi, itu-lah yang lain-nya. Tetapi, saya sangat-lah faham akan pertanyaan Yang Berhormat dari Lipis itu dan dalam hati saya, perkara itu memang-lah satu pandangan yang ikhlas, tetapi keadaan nampaknya tidak mengizinkan sekarang ini.

Tuan Abdul Razak bin Hussin: Tunku jadi pengarah filem sebab gaji

tak chukup. Ini satu gambaran yang sangat di-kesalkan, sedangkan saya menyokong kenaikan gaji Menteri. Tetapi apa pandangan umum bahawa sa-nya gaji Menteri sendiri pun \$3,000 dan gaji sa-orang pegawai \$3,000. Nanti ra'ayat umum mengatakan bahawa Menteri ini kurang, atau pun menerima rasuah, mungkin boleh jadi sebab ini akan jadi satu bacaan umum.

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Sa-bagai tanda bagaimana ikhlas dan kuat-nya bekerja Perdana Menteri dan Menteri² serta M.P.² kita, jadi patutlah kita megah, oleh kerana erti-nya. Tunku walau pun gaji-nya tak begitu banyak, bandingkan dengan sa-paroh orang pakar² yang tertentu, tetapi dia punya jasa dan pekerjaan-nya itu memang-lah chukup berat, sa-ratus kali ganda lagi daripada sa-paroh² pakar² itu. Jadi, dalam perkara ini, bukan di-Malaysia sahaja, negeri² lain saperti India dan lain² juga Presiden-nya boleh di-katakan gaji tidak sa-bagitu banyak. Tetapi ia-lah kelebehan-nya, bukan soal gaji, tetapi soal tanggong-jawab, mertabat. itu-lah kedudukan-nya.

Jadi, suka-lah saya menarek pandangan Ahli Yang Berhormat dari Melaka Selatan tadi dalam perkara elaun dan gaji² Menteri dan M.P.² ini. Yang sa-benar-nya Ahli Yang Berhormat dari Melaka Selatan, telah chadangkan supaya Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri², Menteri² Muda di-naikkan gaji-nya supaya sa-imbang dengan tugas², kewajipan dan kedudukan taraf mereka. Dan sambil itu pula dia tumpang chelah sadikit, soal M.P. Bagi pehak Kerajaan, saya menguchapkan berbanyak² terima kaseh di-atas pandangan dan sokongan Ahli Yang Berhormat itu. Kerajaan memang sedar, bahawa gaji bagi Perdana Menteri, Menteri² serta Menteri² Muda, ada-lah tidak sa-imbang dengan kedudukan mereka. Bagi masa ini Perdana Menteri belum-lah berchadang hendak menaikkan gaji Menteri² dan juga Menteri² Muda tetapi barangkali pada masa hadapan sa-kira-nya perolehan Kera-

jaan bertambah sadikit, harus hal ini mendapat timbangan Kerajaan.

Yang Berhormat itu juga menchadangkan supaya subsistence allowance bagi Ahli² Parlimen di-naikkan daripada \$35 jadi \$50 sa-hari. Kerajaan tidak dapat menimbang chadangkan ini pada masa sekarang ini, tetapi ada-lah di-dalam perhatian Perdana Menteri hendak menimbang sa-mula elaun Ahli² Yang Berhormat. Kerajaan berfikir, elaun sa-banyak \$35 sa-hari itu ada-lah bagi sementara ini jangan di-ubah lagi. Ahli Yang Berhormat itu juga menyatakan bahawa pass keretapi yang kedua yang di-beri kapada Ahli² sakalian tidak di-gunakan dengan sempurna, atau tidak di-gunakan mengikut kehendak² di-dalam sharat² pass keretapi itu. Hal ini memang-lah ada dalam timbangan Perdana Menteri dan chadangan hendak menyusun sa-mula dalam perkara ini. Jadi sementara itu, saya harap-lah kita bersabar bersama.

Dan perkara ini juga suka-lah pula menarek satu pandangan khas-nya, yang di-buat daripada Yang Berhormat Ahli Perlis Utara. Ia-itu bukan hendak menaikkan gaji, tetapi beliau menchadangkan supaya Menteri², Ahli² Parlimen dan sa-siapa lagi-lah yang suka memotong pula elaun atau pun gaji-nya sa-banyak sa-puluh peratus. Jadi, pandangan ini pun satu pandangan yang bagus juga, supaya hendak beri kebajikan sesuai dengan keadaan negara. Apa yang saya harap dan kita sakalian berharap, saya perchaya, untuk melihat Ahli Yang Berhormat daripada Perlis Utara itu akan membuat chontoh yang pertama, dan pehak Perlis Selatan, Perlis Utara tidak mahu potong (*Ketawa*) supaya pehak Ahli Perlis Selatan boleh-lah membuat potongan itu dan saya perchaya pehak Treasury boleh mengambil tindakan, boleh-lah beri surat kapada Tuan Setia-usaha Parlimen minta potong barangkali mula' pada hari esok.

Pandangan Ahli dari Bachok supaya gaji Ahli Dewan Negara di-naikkan \$750 sa-benar-nya saya pun pernah, sa-belum datang ka-sini dahulu, pernah jadi Senator jadi tahu sangatlah masalah ini, chuma apa yang

saya di-minta memberi jawapan ia-lah Senator ini atau Ahli Dewan Negara ada-lah berlainan. Jadi soal gaji ini tak boleh-lah hendak di-bandingkan dengan soal taraf Dewan Negara satu Dewan Tinggi yang mengkaji Undang² yang di-buat oleh Dewan Ra'ayat. Tetapi soal gaji ini sa-benar-nya, ini bukan gaji—ini satu imbohan kepada Ahli² Parlimen datang ka-sini di-beri \$750 Dewan Ra'ayat, imbohan kerana apa, kerana belanja kenaikan belanja tambang menambang, belanja makan minum, melawat kawasan pilehan raya. Jadi, Dewan Negara ini belum ada pilehan raya lagi jadi tidak mempunyai kawasan² sendiri. Jadi, berdasar pada itu, bukan kepada taraf dan lain² ada-nya perbedzaan sa-banyak \$750 itu.

Ahli dari Hilir Perak minta layanan kata-nya kepada M.P. ini terutama mithal-nya waktu pembukaan Persidangan Belanjawan Parlimen ini M.P.² dudok di-belakang. Jadi, yang sa-benar-nya saya pun sudah lama juga jadi M.P., Senator atau pun dalam masa Legco dahulu, saya rasa layanan yang di-beri itu tidak di-kebelakangkan. Dalam Negara kita ini baik didalam tingkatan Negeri atau pun tingkatan Persekutuan ada susunan keutamaan-nya itu, dalam tingkatan Persekutuan keutamaan-nya itu yang pertama sa-kali ia-lah sudah tentu Duli² Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong, kemudian ada tingkatan-nya, dari segi Kerajaan-nya mula² daripada Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Jema'ah Menteri, Ahli² Wakil Duta, atau High Commissioner kemudian turun-lah kepada Maha Hakim, Hakim, Menteri Muda, P.M.N., dan tak salah-nya, datang-lah kepada Member of Parliament dan sa-bagai-nya lepas daripada M.P. ada pula Ketua² Pejabat dan lain² lagi. Jadi itu-lah keadaan priority yang ada, jikalau hendak susunan lain daripada itu barangkali rumit sedikit oleh kerana mithal-nya memang-lah P.M.N. itu mendapat darjah yang tertentu daripada Yang di-Pertuan Agong, jadi di-utamakan ka-depan lepas itu baru-lah datang kepada M.P. dan sa-bagai-nya. Tentang dudok di-belakang, saya

nampak bukan-lah di-belakang yang sa-benar-nya yang dudok di-belakang pada masa pembukaan itu lebeh tedoh dan mendapat rahmat lindongan daripada mata hari daripada Ahli² Jema'ah Menteri atau pun Ambassador² yang dudok di-depan dan saya nampak pula sekarang ini akan siap lagi satu bangunan yang bertentangan dengan bangunan lama itu barangkali akan dapat di-ator dengan lebeh istimewa lagi tentang layanan. Yang di-tingkat *state* itu saya tak tahu-lah itu perkara *State* tetapi separoh² *State* saya tahu juga waktu saya menjadi *Senator* atau menjadi M.P. dahulu, layanan di-negeri saya boleh di-katakan chukup memuaskan. Beliau juga meminta supaya menara Parlimen ini di-perlengkapkan lagi dengan alat² yang lebeh berguna. Barangkali maksud beliau tempat tidur dan sa-bagai-nya. Ini barangkali kena-lah memakan belanja yang chukup banyak. Ada tadi kita hendak perpustakaan, dan press button, electronic system dan sa-bagai-nya jadi ini kena-lah di-dahulukan mana yang dahulu dalam perkara ini.

Berkenaan dengan Ahli Perlis Selatan supaya adakan chendera mata untuk pelawat² di-Parlimen ini perkara ini boleh saya edarkan kepada pehak Parlimen untuk di-pertimbangkan. Memang saya nampak ini satu chandangan yang berguna. Saya rasa lebeh kurang itu-lah jawapan dalam S. 1, Parlimen.

Masok kepada S. 2, ia-itu Majlis Raja². Yang Berhormat wakil dari Kuala Trengganu Utara dan juga dari Melaka Selatan ada memberi pandangan yang sama, ia-itu berkenaan dengan penyamaan bayaran zakat fitrah seluroh negeri. Dalam perkara ini suka-lah saya menarek kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ia-itu memang-lah menjadi tujuan Kerajaan sekarang ini sa-bagai langkah awal hendak menyamakan pentadbiran² ugama yang sesuai dan yang diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan² Negeri². Itu langkah yang pertama. Jadi saya rasa kita bertindak ini hendak-lah ada langkah²-nya, kalau silap langkah nanti terbalak pula kita, susah jadi, sebab itu saya

rasa walau pun bersimpati dengan pandangan beliau ini saya rasa Kerajaan terpaksa-lah membuat langkahnya itu dengan terator dan pandangan ini menerima pandangan yang baik daripada pehak Kerajaan.

Berkenaan dengan pandangan Ahli dari Melaka Selatan, imam² dan pegawai² ugama yang tidak dapat apa²—sa-benar-nya ini ia-lah perkara tanggung-jawab Kerajaan Negeri, tetapi suka saya hendak menarek pandangan Yang Berhormat itu sa-panjang yang saya tahu termasuk-lah negeri Melaka sendiri, sejak merdeka saya rasa imam dan 'amil², kadzi², guru² ugama banyak menerima perubahan dari segi imbohan, dan segi gaji, di-bandingkan dengan zaman sebelum tahun 1957 dahulu kechuali, kalau di-negeri Kelantan saya tidak tahu-lah, negeri² lain saya chukup tahu-lah seperti Melaka, Trengganu, negeri Perak, lain², saya tak kata apa hal Kelantan, kerana saya kurang tahu. Jadi, boleh katakan semua guru² ugama ahli² ugama chukup mendapat layanan yang baik, dan saya tahu juga dalam surat khabar Yang Berhormat Ketua Menteri Melaka sendiri pun ada baru² ini memberi imbohan² yang tertentu kepada ahli² ugama ini. Jadi, kata beliau tidak terima apa² sejak merdeka, saya rasa itu barangkali, kata orang, dia terlatah sahaja-lah itu.

S. 3—Juru Odit Negara. Yang Berhormat wakil Kuala Trengganu Utara bertanya kenapa ada tiga Pengarah dalam Odit ini sa-olah² kapal ini ada mempunyai tiga *captain* atau nakhoda. Sa-benar-nya suka-lah saya hendak menarek perhatian sa-lain daripada S. 3 ini ada tiga lagi C. 7 kalau tak salah ia-itu dalam *charged account* di-mana ada satu peruntokan khas kepada *Auditor-General* atau pun Juru Odit Negara di-situ beliau itu-lah yang menjadi nakhoda-nya, bukan tiga director ini. *Auditor-General* atau Juru Odit Negara bagaimana C. 7 itu-lah yang menjadi ketua seluroh Jabatan Odit ini. Tiga Director ini sa-benar-nya ada-lah untuk menjaga tiga kawasan, kawasan Utara, kawasan Timor, kawasan Selatan ia-itu seperti Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan sa-bagai-nya; kawasan Utara, Penang, Kelantan, Perak dan

sa-bagai-nya dan juga kawasan Persekutuan ia-itu menjaga Pusat dan juga account² *statutory bodies* seperti MARA dan sa-bagai-nya.

Dalam tahun 1965 Kerajaan telah menerima *recommendation* yang di-buat oleh Juru Odit Negara untuk mengator sa-mula Jabatan Odit. Hasil daripada *recommendation* itu ia-lah seperti berikut ia-itu: Dua jawatan Pengarah Odit telah di-adakan dengan memansokhkan jawatan Timbalan Juru Odit Negara dan Ketua Juru Odit. Dalam bulan Oktober 1966, satu lagi Jawatan Pengarah Odit telah di-luluskan oleh Kerajaan apabila jawatan Juru Odit Negara tambahan sendiri tingkatan Tertinggi D yang di-pegang oleh pegawai dagang di-mansokhkan apabila pegawai dagang itu balek ka-negeri-nya pada bulan September 1966. Oleh yang demikian tambahan yang sa-benar-nya kapada anggaran tahun 1966 ia-lah \$2,880. Tugas² pegawai Odit itu ia-lah satu *Director* untuk menjaga kira² Persekutuan dan kira² Perbadanan, satu menjaga Odit Negara negeri² di-Utara dan Barat Malaysia, satu menjaga Odit negeri, kira² negeri, Selatan dan Barat Malaysia, maksud-nya Malaysia Barat, bukan Barat Malaysia.

Ketiga² Pengarah ini bertanggung-jawab terus kapada Juru Odit Negara yang mempunyai *allocation* tertentu di-dalam C. 7, yang saya katakan tadi. Perbelanjaan Perjalanan dan Pengangkutan bertambah sedikit ia-lah oleh kerana di-kehendaki mengadakan pemeriksaan atau *spot inspection* yang banyak lagi di-tiga belas chawangan termasuk dua chawangan di-Malaysia Timor dan juga untuk mengadakan bekalan tentang latehan pegawai² Odit.

Dalam perkara siapa yang memereksa kira² Odit Negara, segala permohonan wang pehak odit sendiri ada-lah di-kemukakan kapada Setiausaha Perbendaharaan untuk timbangan-nya sa-belum di-masokkan dalam anggaran, segala *voucher*² bayaran di-pereksa oleh *Accountant Negara*.

Berkenaan dengan pandangan ahli daripada Bachok, pandangan supaya 19 orang auditor itu di-tambah lagi—tidak chukup—ini akan di-timbangkan

dari sa-masa ka-samasa apabila mustahak, dan saya berterima kaseh-lah di atas pandangan beliau itu.

S. 4—Surohanjaya Pilehan Raya. Ahli Yang Berhormat daripada Raub menchadangkan supaya Mukim Ulu Jelai di-letakkan di-bawah bahagian Pilehan Raya Lipis dan tidak di-Raub saperti sekarang. Kedudukan sekarang melibat lebeh kurang dua ribu orang penduduk dan pada segi perhubungan ada-lah sukar bagi mereka itu. Saya di-beritahu Surohanjaya Pilehan Raya akan memberi perhatian dan pertimbangan kapada chadangan ini apabila sampai masa-nya untuk mengkaji samula bahagian² Pilehan Raya Parlimen dan Negeri. Kajian sa-mula ini akan di-jalankan oleh Surohanjaya Pilehan Raya dalam tahun ini.

Berkenaan dengan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara ia-itu peristiwa di-Kampong Baru sa-banyak tiga puluh ribu orang yang mengundi tetapi ada enam ribu orang pengundi Melayu sahaja, kata beliau. Kedua, meminta pekerja² masa penoh supaya tidak ketinggalan nama² pengundi waktu mendaftar pengundi; ketiga kerjasama dengan Jabatan Penerangan; keempat, supaya di-semak daftar pengundi² dengan lebeh terator lagi.

Saya di-beritahu Surohanjaya Pilehan Raya sedar bahawa system pendaftaran yang sedang berjalan pada masa ini tidak berapa memuaskan dan satu system yang lebeh baik sedang di-kaji. Dengan system baharu boleh jadi kita mengadakan pendaftaran sa-penoh masa dalam sa-tahun ia-itu saperti pendaftaran kad pengenalan. Ini juga kalau saya tidak salah, chadangan yang di-berikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu kelmarin, harus kita melantek pegawai² tetap, tidak saperti sekarang ini dan tidak di-bawah Pegawai² Daerah, pegawai sa-chara langsung. Kerjasama Pejabat Penerangan ada di-pinta. Pejabat itu di-beritahu tentang tiap² perkara bersangkutan dengan pilihan raya yang berhubung dengan orang ramai, hebah²an yang chukup di-buat oleh Radio Malaysia dalam mana daftar² pemilih di-buka untuk pemereksa umum. Pada masa kawasan² pilihan raya di-buat mula²

dahulu weightage memang ada di-beri kapada kawasan² pilihan raya luar bandar.

Dalam Perlembagaan memang ada syarat tentang weightage untuk kawasan² luar bandar. Surohanjaya Pilehan Raya bila membuat kajian samula kawasan² pilihan raya ada-lah patoh kapada syarat² dalam Perlembagaan tersebut.

Ahli daripada Sarawak memberi pandangan ta' ada peruntokan untuk Sarawak election. Dalam perkara ini, suka-lah saya menyatakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membuat kenyataan dalam perkara ini. Jadi, ta' ada-nya peruntokan itu ia-lah waktu di-buat Anggaran Perbelanjaan ini tidak timbul lagi soalan itu, tetapi ini jikalau hendak di-adakan election, boleh di-ambil daripada Contingencies Fund.

Sekarang saya masok pada S. 7 yang banyak di-bahathkan ia-itu Jabatan Perdana Menteri. Pertama sa-kali pandangan yang di-buat oleh Ahli Yang Berhormat daripada Raub ia-itu berkenaan dengan lawatan beliau baharu² tidak mendapat layanan yang sa-wajar-nya dan beliau di-tempatkan di-hotel yang tersangat rendah mutunya. Jadi, saya di-beritahu perkara ini terjadi di-Singapura di-sebabkan ketibaan sa-chara emergency—rombongan lawatan sambil belajar Malaysia yang menuju ka-Kuching. Oleh sebab keadaan yang emergency ini, maka menurut keterangan yang di-dapati bahawa Malaysian Airways pada masa itu terpaksa menginapkan ahli² rombongan ini di-dalam hotel yang tidak begitu sempurna. Menurut keterangan yang di-beri kapada Surohanjaya Tinggi Malaysia di-Singapura, oleh Pegawai M.S.A.—Malaysian-Singapore Airways, mereka tidak berhasil menchari tempat yang lebeh bagus, sebab semua-nya telah di-penohi. Ahli² rombongan telah berhubung dengan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia meminta menumpang di-rumah Persekutuan, tetapi oleh sebab Rumah Persekutuan itu kechil, tidak menchukupi dengan bilangan ahli², maka permintaan ini tidak dapat di-sempurnakan. Ahli² rombongan telah juga meminta Pegawai Surohanjaya Tinggi Malaysia di-Singapura untuk

menchari tempat kediaman hotel yang lebih baik, tetapi oleh sebab keadaan yang tersebut di-atas, pegawai² Surohanjaya Tinggi Malaysia di-Singapura menasihatkan rombongan itu supaya tinggal di-tempat kediaman yang disediakan ia-itu di-Loyd House sahingga ka-esokan hari-nya. Pegawai Surohanjaya Tinggi Malaysia telah pergi ka-tempat kediaman ini dan oleh sebab waktu pada masa itu sudah pukul 9 malam dan tempat kediaman yang sesuai tidak ada, maka tidak ada jalan lain yang boleh di-buat oleh pegawai² itu. Demikian-lah saya diberitahu oleh pehak yang berkenaan, tetapi jikalau ada berbangkit soal kesusahan bagitu bagini, saya harap-lah perkara itu bukan-lah satu perkara segera dan ma'alum-lah semua M.P. kita ini memang biasa susah, jadi kalau sa-kali² berjalan itu sudah, ta' apa-lah, kita terima dengan senyum sahaja untuk menjadikan pengalaman pada masa yang akan datang.

Berkenaan dengan pandangan daripada Ahli Yang Berhormat Kuala Trengganu Utara kenapa di-adakan pula jawatan Penolong Setia-usaha Sokan di-Jabatan Perdana Menteri. Ini juga pandangan yang di-berikan, kalau ta' salah saya oleh Ahli Yang Berhormat daripada Dato Kramat dan beberapa orang Ahli lagi. Jadi, yang sa-benar-nya perkara ini, saya suka hendak menyatakan jawatan Penolong Setia-usaha Sokan dalam estimate Jabatan Perdana Menteri S. 7 itu sa-benar-nya tugas-nya ia-lah untuk menjalankan kerja² kebajikan kepada pegawai² Kerajaan, bukan-lah sokan sa-mata². Kerja-nya ia-lah menjaga kebajikan, membuat ranchangan² perumahan, sharikat kerjasama perumahan dan juga sokan² antara department di-dalam Jabatan² Kerajaan. Jadi, sebab itu-lah di-lihat daripada kerja² itu, walau pun pada masa dahulu, tahun 1965 di-chuba duduk di-bawah Kementerian Belia dan Sokan, tetapi di-dapati untuk melichinkan perjalanan jabatan² ini biasa-nya dia terta'alok di-bawah Jabatan Perdana Menteri, kerana jabatan itu-lah yang paling tinggi sa-kali. Jadi susah jabatan² lain. Jabatan Perdana Menteri senang dapat memberi kerjasama dan senang mem-

beri arahan². Jadi, pegawai ini di-pertempatan di-Jabatan Perdana Menteri, dan tugas-nya sa-lain daripada sokan ahli² Kerajaan, pekerja², atau pun ia-lah pekerja² Kerajaan ia-lah soal welfare—kebajikan pegawai² Kerajaan itu. Jadi, tidak-lah timbul soal baharu. Pegawai ini sa-benar-nya dalam tahun 1963, tahun 1964, memang sudah ada dalam Jabatan Perdana Menteri, tahun 1965 di-chuba pindahkan ka-Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan; tahun 1967 ini di-kembalikan.

Berkenaan dengan Pertandingan Membacha Quran yang di-kemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Trengganu Utara supaya di-samping itu di-adakan Seminar Ulama² Islam, saya di-beri tahu perkara ini di-ambil perhatian yang berat, dan saya perchaya kalau chara yang lebih baik lagi boleh-lah Yang Berhormat itu susul pula dengan chadangan² dan juga chara² yang lebih constructive supaya boleh di-pertingkatkan oleh pehak Perdana Menteri.

Berkenaan dengan Lembaga Peranchang Keluarga supaya tidak di-luar bandar, jadi sa-benar-nya suka-lah saya menyatakan berkenaan dengan keterangan ini, untuk ma'lumat Yang Berhormat, Ranchangan Peranchang Keluarga ini ada-lah satu ranchangan meliputi seluroh negara. Lembaga Peranchangan Keluarga Kebangsaan mempunyai programme-nya yang tertentu dan programme ini akan di-jalankan dari peringkat ka-peringkat, mula² di-tempat yang mempunyai, yang sudah ada, kemudahan² Rumah Sakit Bersalin dan lain² kemudahan ia-itu bererti dalam bandar-lah atau dipekan² kemudian di-jalankan pula di-kawasan bandar yang berdekatan dengan tempat² itu. Mengikut Ahli Yang Berhormat itu Ranchangan itu Ranchangan Keluarga tidak berapa perlu di-adakan di-kawasan² luar bandar, oleh sebab peratus kematian kanak² kechil di-luar bandar sudah lebih tinggi, jadi dengan sendiri-nya mengelakkan daripada banyak keluarga. Ini ada-lah satu anggapan yang salah. Sa-benar-nya Ranchangan Peranchang Keluarga itu ia-lah satu daripada chara² yang tegas dan berkesan lagi

kita mengurangkan peratus kematian kanak² kechil. Dengan Peranchangan Keluarga kesihatan kanak² dan ibu bapa keselurohan keluarga ada-lah lebeh terjamin. Jadi, saya rasa itu-lah jawapan-nya.

Pandangan Ahli Yang Berhormat daripada Kemaman supaya Pertandingan Quran di-rakamkan dan rekod-nya di-jual. Jadi perkara ini juga akan di-timbangkan dan di-hantarkan kepada pehak yang berkenaan. Pertandingan Quran di-adakan makalah ilmiah untuk di-siarkan melalui Mesjid Negara, begitu juga-lah.

Berkenaan dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat daripada Batu, ia-itu Surohanjaya Gaji ini kenapa allocation-nya tinggal sa-paroh sahaja. Yang sa-benar-nya waktu saya mengemukakan perbelanjaan ini kelmarin ada saya terangkan tetapi Yang Berhormat itu barangkali tidak ada ia-itu Commission ini di-anggarkan akan habis kerja-nya pada bulan Jun tahun ini, sebab itu-lah peruntukan itu tidak penoh dan sa-paroh daripada tahun lalu.

Dr Tan Chee Khoon (Batu): Untuk penjelasan, Tuan Pengerusi. Boleh-kah Menteri yang berkenaan memberi kepada Rumah Yang Berhormat ini, apabila laporan Surohanjaya Gaji itu siap, di-beri kepada Ahli² Yang Berhormat Dewan Ra'ayat ini?

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Saya akan hantarkan kepada pehak yang berkenaan untuk mengambil langkah yang sesuai dalam perkara ini.

Berkenaan dengan Bahagian Peranchang Ekonomi yang di-beri pandangan oleh beberapa Ahli² Yang Berhormat, dari Batu dan Ahli Dato Kramat dan beberapa lagi, saya di-beri tahu Bahagian Peranchang Ekonomi ia-lah bagaimana kata Ahli Yang Berhormat daripada Batu sa-bagai post-box untuk Kementerian² dan Jabatan². Jadi, tentu-lah jawapan tidak post-box tuduhan itu sangat tidak benar. E.P.U. satu pertubohan Peranchang Kebangsaan dengan tugas² sama seperti badan² Peranchang Kebangsaan di-negara² yang maju, menjalankan tugas² sa-bagai tangan kanan kepada Jawatan-kuasa

Peranchang Kemajuan Kebangsaan. E.P.U. ada-lah bertanggung-jawab untuk merangka dan mengadakan pengkajian dalam bidang usaha² kemajuan negara untuk mentaksir semua ranchangan² kemajuan dan dasar²-nya dan untuk menentukan keutamaan kepada ranchangan² untuk di-masokkan dalam ranchangan kemajuan negara. Suka-lah saya menarek perhatian beliau ia-itu sa-orang pakar pentadbiran kemajuan daripada Bank Dunia baharu² ini telah memberi pandangan dalam laporan-nya kepada Kerajaan ia-itu E.P.U. ini ada-lah satu badan yang chukup bagus dari segi penubohan, penempatan dan pentadbiran-nya atau dalam bahasa Inggeris di-sini, well-conceived, well-located dan well-managed national planning agency.

Pandangan Ahli Yang Berhormat daripada Kelantan Hilir supaya wang keraian ini di-kurangkan dan wang hadiah rasmi juga di-kurangkan, maka suka-lah saya menyatakan perkara wang keraian ini atau hadiah rasmi ini, sa-bagai satu negara yang merdeka bagaimana juga-lah kita sa-buah rumah, jadi dari sa-masa ka-samasa kita menerima pelawat² kepada rumah kita itu, jadi negara kita begitu-lah dari sa-masa ka-samasa tidak boleh di-tentukan. Dalam tahun 1966 barangkali ada 5 atau 6 Head of State yang melawat Malaysia. Dalam tahun ini boleh jadi kurang 2 atau 3 sahaja, tahun 1968 nanti boleh jadi 10, jadi itu bergantung-lah lebeh banyak Head of State datang tentu-lah banyak belanja kurniaan-nya dan present²-nya. Ini bukan-lah perkara membazir, ini satu daripada chara bagaimana orang berniaga juga. Orang berniaga dia hendak chari langganan², dia hendak laku barang jualan-nya mesti-lah dia buat baik kepada bakal² yang hendak beli barang² dia itu, kena ajak makan malam pergi dinner, pergi night club dan lain² lagi, bergantung kepada keadaan ahli berniaga. Ini bukan Head of State, saya maksudkan. Jadi kepada Head of State dengan chara yang lain pula kena State Banquet-nya, kena ada keraian² yang sesuai dengan chara² atoran negara² yang bertamadun. Jadi itu bergantung-lah dari sa-masa ka-samasa, tetapi kedua² peruntukan ini bukan wang yang keluar sia², faedah-nya akan datang dengan ta' kita sedar

dalam jangka yang panjang. Dari masa ka-samasa, Head of States, President atau Prime Minister-nya, boleh jadi apabila sudah ada keraian ini dia tertarek hati dengan kita, baik hati dengan kita, dia offer scholarship, mengadakan berbagai² pertolongan melalui plan² technical dan lain² lagi, jadi faedah-nya itu akan datang dengan besar-nya kapada negara² kita atau kapada negara pelawat.

Dr Tan Chee Khoon: Mr Chairman, Sir, on a point of clarification. Can the Honourable Minister tell us—he has been telling us about the benefits that will accrue from the visits of various Heads of States—is the Honourable the Acting Minister aware that at least one Head of State who paid a State visit to this country and very soon after he died in the hands of his countrymen?

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Jadi, keadaan² itu juga tidak dapat-lah hendak di-elakkan dan saya rasa kejadian ini di-Malaysia boleh kata sangat berkurangan kalau kita bandingkan dengan negeri² yang lain, dan kita rasa chukup bangga Malaysia ini dapat dengan kecekapan² polis dan pemerentah yang berkuasa pada hari ini dapat menerima ketua² negara itu dengan memberi layanan yang chukup tamadun dan sesuai dengan negara yang merdeka.

Berkenaan dengan pandangan Yang Berhormat daripada Seberang Utara ia-itu patut di-adakan dalam E.P.U. satu section khas untuk mengkaji ekonomi orang² Melayu Malaysia atau bumiputra di-Malaysia Timor. Jadi, perkara itu, saperti mana saya kata E.P.U. itu satu badan perancang keseluruhan, jadi perkara² ini biasa-nya saya rasa memang-lah walau pun tidak ada badan perancang yang khas tetapi ada di-bawah Jabatan Timbalan Perdana Menteri—Pembangunan Negara dan MARA membuat kerja² bagini. Pandangan ini saya boleh-lah hadapkan kapada pehak yang berkenaan.

Yang Berhormat daripada Dato Kramat membuat beberapa pertanyaan, satu daripada-nya ia-lah berkenaan dengan supaya Jabatan Economic Planning Unit, Development Adminis-

tration Unit ia-itu Bahagian Pentadbiran Kemajuan dan Malaysian Centre of Development di-letakkan di-bawah Kementerian Kewangan atau pun Kementerian Commerce and Industry. Jadi, dalam perkara ini suka-lah saya hendak menarek perhatian, Kementerian Commerce atau Finance atau Kementerian Pertanian atau Kementerian Tanah dan Galian ia-lah Kementerian² yang di-tadbirkan oleh Menteri² yang berkenaan, tetapi Jabatan Perdana Menteri ia-lah di-bawah Perdana Menteri yang menjadi kepala atau ketua kapada Menteri² yang lain². Jadi dengan sendiri-nya Jabatan Perdana Menteri yang menjadi sa-bagai pemimpin atau ketua kapada Menteri² di-Jabatan² yang lain, sebab itu-lah di-letakkan ranchangan² yang bagini di-Jabatan Perdana Menteri dan sa-bagaimana di-ketahui, Setia-usaha Tetap, Jabatan Perdana Menteri-lah juga yang menjadi ketua kapada pekerja² Kerajaan. Jadi dengan kedudukan yang begitu melichinkan perjalanan. Jikalau di-letakkan di-Kementerian Kewangan atau Kementerian Perdagangan dan Perusahaan, kadang² susah sedikit-lah barangkali Kementerian² yang lain menganggap sama sahaja dan kadang² rumit dari segi pentadbiran dan lain² lagi.

Ahli daripada Bungsar bertanya, apa-kah mustahak-nya ada Jabatan Peperangan Urat Saraf (Psychological Warfare Section) dan ada-kah Jabatan ini di-tujukan untuk membuat penentangan kapada Pembangkang yang halal kapada Kerajaan yang ada.

Di-sini suka-lah saya hendak menerangkan ia-itu Psychological Warfare ini bukan-lah perkara baharu oleh sebab apa, Ahli Yang Berhormat daripada Bachok pun ada bertanya, kerana apa baharu² tahun ini ada dalam Belanjawan, tahun lepas tidak ada? Sabenar-nya jika beliau itu bacha di-Kepala, ada keterangan di-situ, sebelum daripada tahun ini ada peruntukan ini tetapi di-dalam Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, sekarang ini tanggung-jawab-nya untuk menjaga subversive² atau pun mereka² yang hendak merosakkan keamanan negara terutama sa-kali yang ada di-sepanjang

sempadan baik di-Malaysia Utara, sempadan kita dengan Thailand, juga di-Malaysia Timor di-kawasan sempadan. Kerja-nya ini untuk menjaga keselamatan negara.

Ahli Yang Berhormat daripada Perlis Selatan meminta supaya di-adakan Jamaitul-Qurak ia-itu satu Jema'ah ahli² pembacha Quran guna untuk menjaga, meninggikan mutu pembacha² Quran—ini di-ambil perhatian.

Berkenaan dengan Lawatan Sambil Belajar supaya di-masokkan kaum asli atau kaum bumiputera dalam rombongan², itu bergantung-lah kepada jenis rombongan yang di-buat. Kalau satu rombongan mengenai hal pertanian, barangkali banyak kaum asli atau bumiputera yang chenderong dan kebanyakan-nya yang saya tahu rombongan pertanian biasa-nya terdiri daripada bumiputera atau kaum asli, tetapi kalau rombongan hal perniagaan atau hal² yang tertentu—pelajaran, barangkali bukan kita hendak merendahkan kaum asli tetapi boleh jadi jarang sedikit sangat hendak dapat kaum asli yang boleh dudok dalam rombongan itu bersama² mempunyai pengetahuan yang sama. Oleh sebab hendak-lah kita ingat apabila kita menghantar rombongan keluar negeri pergi ka-Bangkok, Manila, pergi ka-mana² sahaja-lah, disana di-adakan pertemuan atau perundingan yang sama taraf rombongan itu di-negara² itu. Jadi kena-lah di-chari orang² yang kita agak lebeh kurang sama-lah dalam lapangan ini. Jadi pandangan beliau sangat di-ambil berat tetapi hendak-lah di-ingat keadaan² yang tertentu ini.

Berkenaan dengan pandangan Ahli Yang Berhormat daripada Bachok pula ia-itu banyak sudah berchakap hal ini, maka saya rasa tidak payah di-layan banyak.

Berkenaan dengan Pertandingan Quran di-samping mengadakan Pertandingan Quran patut-lah di-adakan juga ikhtiar untuk mentafsirkan Quran. Memang-lah tafsiran Quran ini satu perkara yang sangat bagus dan pandangan ini saya rasa satu pandangan yang membena, chuma barangkali tersilap sedikit Ahli Yang Berhormat

daripada Bachok itu kerana dia suka sangat berchakap, tiap² kali dengan tidak sengaja dia silap berchakap. Jadi tersilap berchakap itu susah hendak di-tarek balek. Mithal-nya, tadi walau pun dengan chara bergurau itu tidak beliau mengatakan—jadi pertandingan Quran yang ada pada hari ini macham keronchong tok alim. Jadi tentu-lah orang UMNO rapah, marah beliau berchakap begitu, tetapi beliau sudah berchakap, berkata, sama² kita mendengar, jadi sedeh-lah juga saya rasa tidak hendak bandingkan pertandingan ini dengan keronchong tok alim², tok ulama² kita termasuk Ahli² Yang Berhormat di-depan saya pun kalau terkena tentu-lah tidak suka hendak samakan keronchong dengan Pertandingan Quran. Ini Pertandingan ayat suchi. Jadi sama-lah Ahli² Yang Berhormat dengan saya kita kesal-lah atas ucapan Ahli Yang Berhormat daripada Bachok yang chuba mempermainkan agama kita.

Beliau juga menyentoh bacaan Quran ini bukan saperti burung nuri tetapi di-bacha sahaja dengan berlagu tetapi tidak tahu arti-nya. Ini soal agama susah-lah saya hendak membinchangkan di-sini tetapi ada perkara² yang saya perchaya dalam perkara bagini susah-lah kita hendak betulkan. Tuhan suroh kita sembahyang, dalam sembahyang kita bacha Fatihah, bacha Fatihah itu kena bacha dengan Bismillah, kita bacha dengan nama Allah ia-itu bukan dengan bahasa kebangsaan.

Bacha Fatihah itu barangkali ini ada hasiat-nya. Jadi saya rasa lebeh baik kalau ahli² agama kita, apa lagi pejuang² agama, tidak mengelirukan soal² bagini dalam Dewan kita, apa lagi Dewan bagini-lah yang mengandongi bukan sahaja orang² Islam, mengandongi orang² agama lain, bangsa lain. Jadi lebeh baik tidak membinchangkan perkara² yang mengelirukan—ini lebeh baik. Saperti, saya perchaya, semua agama, orang Islam kita tujuan-nya hendak membena dan memajukan agama Islam kita.

Berkenaan dengan pandangan Ahli Yang Berhormat daripada Kuala Trengganu Selatan ia-itu Economic

Planning Unit (Bahagian Perancang Ekonomi) patut di-besar dan di-banyakkan lagi pegawai² di-ambil pandangan. Berkenaan dengan pandangan beliau juga ia-itu menyentuh S. 9—kemudian-lah saya ulaskan.

Berkenaan dengan pandangan Ahli daripada Batu ia-itu kerana apa Kerajaan mengambil banyak pakar² asing yang kebanyakan-nya tidak cukup kelayakan. Jadi sa-benar-nya tentu-lah perkara ini tidak berlaku. Sa-sabuah negara yang chepat maju seperti negara Malaysia kita ini selalu-nya tidak cukup dengan pakar dan pekerja² yang berkelayakan untuk menjalankan tugas² yang hendak di-kerjakan. Sementara ia membesarkan sistem pelajaran, bagaimana yang di-chadangkan oleh semua pihak, pihak Kerajaan, pihak Pembangkang, jadi untuk melateh, membanyakkan pakar², jadi terpaksa-lah, bagi sementara ini, Kerajaan mengambil pakar² asing supaya tidak tergendala kemajuan-nya atau pembangunan—ini yang sedang di-jalankan kerana kita sedar jika kita tidak mengambil pakar², tunggu orang kita belum ada lagi, barangkali banyak rancangan terbantut yang faedah-nya sudah tentu ra'ayat rugi, yang untong pihak Pembangkang-lah. Sebab apabila tidak ada pakar² tidak ada kemajuan, pihak Pembangkang akan datang kasini mengatakan pihak Kerajaan tidak menjalankan kerja, kemajuan tidak ada. Jadi Kerajaan salah, jadi ini-lah keadaan-nya yang serba salah.

Berkenaan dengan kelayakan pakar² asing Kerajaan sa-berapa boleh men-chuba mengambil pakar² yang betul berkelayakan. Ini Kerajaan belum lagi berasa tidak puas hati atas perkhidmatan pakar² yang di-ambil-nya itu.

Berhubung dengan Pusat Pengkajian Pembangunan Malaysia yang di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Dato Keramat, mengenai Pusat Pengkajian tersebut, perkara ini telah pun di-terangkan oleh Timbalan Perdana Menteri sa-masa menjawab soalan daripada Yang Berhormat Wakil daripada Batu, dalam mana beliau telah menyatakan Pusat itu menjalankan tugas-nya untuk mendapatkan chara² baharu dalam pelaksanaan pemba-

ngunan negara dan termasuk-lah kerja² khas menganjorkan seminar² antara bangsa.

Berkenaan aspek² pembangunan dan juga menguruskan penyelidekan pembangunan dari segi social, politik dan sa-bagai-nya, peruntukan wang yang di-sediakan bagi Pusat ini ada-lah sa-habis² rendah yang ikhtiar Kerajaan bagi menchukupi perbelanjaan yang sewajar-nya untuk urusan penting ini.

Yang Berhormat daripada Dato Keramat juga ada berchakap berkenaan dengan Setia-usaha Tetap, Jabatan Perdana Menteri yang kata-nya banyak keluar negeri pada tahun yang lepas. Suka-lah saya hendak menarek perhatian ia-itu tiap² pegawai² Kerajaan ada atoran²-nya ia-itu mempunyai chuti² yang tertentu. Saya di-beri tahu Setia-usaha Tetap, Jabatan Perdana Menteri ini keluar negeri ia-lah dengan menggunakan chuti-nya yang dia berhak bukan-lah atas urusan Jabatan Perdana Menteri dan bukan sa-bagai sifat Setia-usaha Tetap, Jabatan Perdana Menteri. Bahkan saya di-beri tahu juga, sa-waktu beliau pergi ka-Bangkok baharu² ini, menjadi sa-bagai ketua rombongan Sukan Asia di-Bangkok, beliau pergi pun dengan chara berchuti bukan dengan chara rasmi, ia-itu atas hantaran Kerajaan—pergi dengan belanja wang beliau sendiri. Dan saya dapati sendiri beliau sangat banyak jasa waktu di-Bangkok, ia-itu beliau sendiri tinggal bersama² dengan ahli² sukan di-dalam *Sports Village* atau pun perkampungan sukan ahli² rombongan kita di-Bangkok. Jikalau di-bandingkan separoh² Manager atau Chef de Mission daripada negeri² lain ada separoh-nya tinggal di-hotel, rombongan tinggal di-bilek sahaja. Tetapi Setia-usaha Tetap ini saya lihat sendiri tinggal bersama² dalam perkampungan sport itu dan memberi sumbangan dan pimpinan yang cukup chekap menyebabkan banyak—bagaimana yang di-ketahui walau pun kita tidak boleh bangga dengan cukup puas hati, tetapi banyak-lah juga berhasil dengan mendapatkan pingat² emas, perak dan gangsa dan sa-bagai-nya. Jadi, atas lawatan beliau itu, tidak-lah boleh kita hendak salahkan, beliau menggunakan

hak-nya sa-bagai pegawai Kerajaan dan wang² yang di-gunakan ia-lah daripada wang beliau sendiri. Dan saya ketahuī beliau ini mengambil peranan yang besar pula dalam lapangan sport bukan dengan kehendak beliau, tetapi beliau sa-orang ahli sukan dan di-pilih oleh pehak lapangan² sukan untuk memenohi beberapa jenis lapangan² sukan. Apa yang saya nampak, patut sangat pula bagi Ahli² Parlimen kita ini mengambil interest dalam lapangan sukan mengemukakan diri dalam lapangan sukan ini, meng'abdikan diri dalam lapangan sukan ini, lapangan kebudayaan dan lain² lagi dan akan di-pilih-lah menjadi ketua² dan sa-bagai-nya barangkali boleh-lah pula menolong kepada separoh² *senior officers* kita, pegawai² kita yang terok, juga disamping membuat kerja² Kerajaan, bekerja bersuka-rela pula dalam lapangan² bagini.

Dalam S. 8—Pejabat Setia-usaha Persekutuan, Ahli Yang Berhormat daripada Sarawak ada membayangkan supaya tidak mustahak lagi di-adakan Jabatan Persekutuan di-Kuching sekarang ini oleh kerana telah ada satu orang Menteri Sarawak. Memang-lah bukan menjadi dasar Kerajaan untuk mengadakan dengan tetap satu Jabatan Setia-usaha Persekutuan di-Sarawak terus-menerus. Tetapi, bagi sementara ini, ia-itu semenjak tahun 1963, untuk mengadakan perhubungan yang lebeh lichin antara Jabatan² Persekutuan dalam negeri Sabah dan Sarawak dengan Kerajaan Pusat, maka di-adakan Jabatan Persekutuan ini. Dan di-harap-lah apabila semua-nya berjalan dengan lichin, Jabatan Persekutuan ini akan dapat di-hapuskan. Tetapi tarikh bila-nya itu tergantung-lah kepada Kerajaan akan datang sama ada boleh atau tidak.

Dalam S. 9—Perjawatan Malaysia, F.E.O.—pertama sa-kali pandangan Ahli Yang Berhormat daripada Trengganu Utara, General Orders. Ada-lah tidak benar bahawa tindakan tidak di-jalankan mengenai pengajian sa-mula General Orders ini. Dan saya memang ingat sangat-lah perkara ini, waktu saya kemukakan belanjawan tahun 1964, tahun 1965, telah bertalu² juga-

lah di-bangkitkan oleh Ahli² Yang Berhormat dalam perkara General Orders ini. Dan pehak Kerajaan, saya di-beri tahu pekerjaan menyemak F.G.O. ini telah di-jalankan saperti berikut. Draft Bab (B), dari General Orders yang telah di-kaji dan di-pinda telah siap dan sekarang telah di-edarkan kepada Perbendaharaan, bahagian Kemajuan Pentadbiran dan Setia-usaha² Kerajaan Negeri² untuk mendapatkan keterangan dan ulasan daripada mereka. Ada-lah di-harapkan bahawa tegoran dan ulasan itu akan di-terima pada penghabisan bulan ini—sekarang bulan Januari, erti-nya pada hari ini-lah.

Bab (D) sekarang sedang di-kaji oleh satu jawatan-kuasa khas Pejabat Perjawatan dan draft yang mengandongi pindaan akan siap pada penghujung bulan depan. Bab (E) telah juga di-kaji oleh jawatan-kuasa itu dan draft yang mengandongi pindaan akan dapat di-sediakan pada pertengahan bulan depan. Draft bagi Bab yang lain telah di-sediakan oleh Pejabat Perjawatan dan di-edarkan kepada jabatan bersangkutan sa-belum di-kaji oleh jawatan-kuasa khas itu. Ada-lah di-tegaskan bahawa semua draft² yang telah di-kaji dan di-luluskan oleh jawatan-kuasa khas itu akan di-kemukakan kepada jawatan-kuasa tetap bagi gaji pekerja dan jawatan-kuasa perjawatan. Sa-lepas itu draft itu akan di-kemukakan pula kepada pehak pekerja Majlis Whitley untuk mendapat persetujuan-nya. Sa-lepas itu baharu-lah General Orders itu di-persetujui oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong untuk di-keluarkan.

Jadi, dalam perkara ini saya sedar dan insaf sangat-lah, sa-bagaimana kata Ahli Yang Berhormat itu, ia-itu nadi atau puncha untuk melichinkan perjalanan Kerajaan bergantung kepada General Orders ini. Jadi, sama²-lah dengan desakan Ahli Yang Berhormat itu, dan dengan kerjasama jabatan Kerajaan saya berharap-lah pehak Jabatan F.E.O. akan dapat mengeluarkan General Orders yang baharu dalam tempoh yang tidak berapa lama lagi.

Berkenaan dengan Whitley Council, pandangan Ahli daripada Batu, sama ada maseh berjalan atau tidak—sa-benar-nya Whitley Council ada-lah berjalan, tetapi oleh kerana ada-nya Surohanjaya Gaji, maka segala perkara² gaji yang di-bawah Surohanjaya Gaji itu sekarang ini di-kemukakan kepada Surohanjaya Gaji dan tidak kepada Whitley Council. Tetapi Whitley Council maseh lagi menimbangkan segala tuntutan² yang tidak termasuk di-bawah tugas Surohanjaya Gaji.

Ahli daripada Kuala Trengganu Selatan, pagi tadi ada berchakap di-dalam perkara pegawai² Kerajaan yang lemah dan tidak chekap supaya berhenti sendiri atau di-paksa berhenti. Jadi, perkara begini, sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat itu juga pernah menjadi sa-orang pegawai Kerajaan Negeri dan sa-orang pegawai Kerajaan Persekutuan, kita dalam pentadbir Kerajaan ini, tidak asing lagi ia-itu ada terta'alok pada undang²-nya, ada G.O. yang saya sebutkan tadi, ada F.G.O. dan berbagai² lagi regulation dan atoran²-nya. Umor-nya pula ada sharat-nya boleh penshen sekarang ini sa-hingga umur 55 tahun ka-atas dan lain² lagi. Jadi, walau macham mana pun, pandangan ini ada-lah di-beri perhatian. Berkenaan dengan beliau berchakap daripada pengalaman beliau, ia-itu kalau kita lembut sangat, ini akan berhasil tidak memuaskan hati—itu saya rasa bergantung-lah kepada masa-nya. Ada masa memang-lah terpaksa kita keras boleh puas hati, sa-bagai-mana kata beliau itu, tetapi itu bergantung-lah daripada masa ka-masa dan tempat atau keadaan² itu.

Berkenaan dengan pandangan Ahli daripada Parit, ia-itu Ahli Yang Berhormat daripada Parit ada membangkitkan tadi, pegawai² Kerajaan saperti D.O., A.D.O. dan sa-bagai-nya, separoh²-nya, bukan semua kata beliau, ada yang tidak mempunyai *leadership* di-bandingkan dengan pegawai² pada masa belum perang dahulu. Sebab, dahulu kata beliau hendak menjadi A.D.O. di-ambil daripada pegawai Pejabat Tanah yang telah ada pengalaman dan sa-bagai-nya—sekarang pegawai daripada Universiti,

keluar ada degree terus jadi A.D.O. dan sa-bagai-nya.

Jadi, saya di-beritahu memang-lah Dewan Latehan Pegawai² Kerajaan ada mengadakan kursus permulaan bagi pegawai² yang baru di-lantek dari sa-masa ka-samasa dalam masaalah menjalankan tugas² mereka sa-bagai Pegawai Pentadbir. Pegawai² baru ada-lah di-kehendaki menjalankan kursus latehan ini. Perkara² yang di-ajarkan dalam kursus latehan itu termasuk Perhubungan Raya, pimpinan atau *Leadership* yang di-kehendaki itu dan tata susila. Kursus latehan ada juga di-adakan bagi pegawai² yang sedang berkhidmat untuk menambah pengetahuan mereka mengenai chara pentadbiran dan juga untuk memberi peluang kepada mereka bertukar fikiran dan menchadangkan chara² yang boleh membaiki lagi kecekapan mereka.

Berhubung dengan tuduhan daripada Yang Berhormat ia-itu pegawai² yang ada berkelakuan kasar sampai katanya bertumbok dengan pegawai², ada yang maki kepada orang ramai, ada pula yang menempeleng muka orang ramai, maka saya rasa perkara ini bukan-lah perkara yang boleh kita biarkan bagitu. Dan saya rasa tentulah pihak Pegawai Kerajaan sendiri pun tidak bersetuju perkara bagitu. Kalau berlaku pun barangkali ini satu perkara yang kalau 100 hendak kata gundal satu dua sahaja, kalau pun ada. Jadi, kalau ada bagitu, apa yang saya menasehatkan patut-lah Yang Berhormat ini beritahu kepada pihak yang berkenaan sama ada, mana² sahaja-lah, kepada *State Secretary*, kepada Setia-usaha Kementerian, kepada Ketua Department yang berkenaan, saya perchaya-lah Ahli Yang Berhormat itu pun pernah menjadi pegawai Kerajaan. Dia tahu-lah chara² bagai-mana hendak beritahu itu. Tetapi tidak boleh di-biarkan.

Dato' Hussein bin Mohd. Noordin (Parit): Tuan Pengerusi, berkenaan dengan saya hendak memberitahu kepada pihak yang berkuasa di-atas perkara ini, saya pun telah di-beritahu, pihak *State Secretary* pun telah di-beritahu berkenaan dengan pegawai² yang bersikap ia-itu bongkak atau kasar

terhadap orang ramai dan juga bertumbok dengan kerani² di-bawah-nya. Jadi saya perchaya perkara ini saya dapat tahu perkara ini pun di-dalam penyiasatan oleh *State Secretary* negeri Perak. Tetapi perkara² yang lain ada satu barangkali silap yang saya chakap pagi tadi, silap dengar atau pun silap saya chakap ia-itu bukan-nya saya kata pegawai² yang hendak menjadi pegawai A.D.O. mesti-lah datang daripada Pegawai² Tanah ia-itu *Land Officer* atau pun *Settlement Officer*, apa yang saya chakapkan pegawai² *Cadet—Cadet* M.C.S. Officer. Cadet M.A.S. mesti-lah bertugas di-Land Office supaya dapat dia mempelajari hal ehwal peratoran tanah. Sa-tengah daripada mereka itu tidak tahu apa ma'ana E.M.R., E.M.R. pun tidak tahu bagaimana hendak menengok E.M.R. ia-itu *Entry Mukim Register* itu pun tidak tahu terpaksa hendak dapat belajar daripada pegawai² S.O. Hendak bertanya S.O. malu, sebab dia A.D.O. Jadi itu sebab-nya ada surat berkenaan dengan tanah tidak dapat berjawab. Itu-lah sebab-nya semua surat² ini di-masokkan dalam K.I.V. Jadi Kerani Besar apa hendak buat K.I.V. masok paper basket. Ini yang saya bangkit.

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Terima kaseh di-atas ulasan Yang Berhormat itu dan jikalau beliau tidak berpuas hati lagi boleh-lah di-edarkan kapada saya surat² atau pun pandangan² yang hendak di-reportkan itu boleh-lah jikalau Pegawai Persekutuan saya edarkan kapada Setia-usaha Tetap Perdana Menteri untuk melihat dan menyelideki. Memang-lah semua pehak, pehak Kerajaan, pehak orang ramai, Wakil Ra'ayat dan pegawai Kerajaan sendiri tidak suka-lah, kerana sa-titek nila rosak susu sa-belanga. Sebab sa-ekor kerbau membawa lumpur semua tersentuh, terpalit. Tidak mahu itu. Jadi untuk sesuai dengan hasrat Kerajaan hendak menjayakan Gerakan Maju ini sama²-lah kita bekerja sama mengatasi perkara² bagitu.

Yang Berhormat daripada Hilir Perak bertanya kenapa dalam F.E.O. ini maseh ada allocation untuk belajar bahasa China. Yang sa-benar ini satu perkara di-mana² pun ada. Di-Russia

ada allocation-nya saya di-beritahu di-Moscow sana, allocation untuk belajar bahasa Jerman, bahasa China, bahasa Inggeris dan bahasa apa. Jadi, sa-bagai negara merdeka ini kita apatah lagi ra'ayat dalam Malaysia ini kita tahu walau pun ra'ayat Malaysia semua, tetapi jumlah yang besar daripada keturunan China mempunyai berbagai² bahasa China. Jadi, sangat-lah elok bagi pegawai² tertentu saperti *Inspector of Police*, yang tertentu untuk bertugas dengan orang² China dan sa-bagai-nya itu mengetahui bahasa ini. Jadi, itu-lah tujuan allocation ini. Bukan hendak mendewa²kan atau pun hendak merendahkan soal bahasa kebangsaan, tetapi ini soal *practical* untuk melichinkan perjalanan Kerajaan kenalah ada sa-bahagian daripada pegawai²-nya yang mengerti, mengetahui bahasa China barangkali juga satu masa bahasa Tamil, bahasa Arab, bahasa Yahudi, bahasa apa pun lagi.

Dalam S. 10 ia-itu Arkib Negara. Pandangan Ahli Yang Berhormat Trengganu Utara, sa-takat mana di-kembalikan buku² sejarah dari luar negeri dan patut di-kaji sejarah negeri pada masa keadaan sekarang ini. Dalam perkara mengkaji sejarah negara kita ini, saya pun sangat bersetuju dengan pandangan yang di-beri oleh Yang Berhormat itu kerana barangkali maseh ada lagi sejarah² negara kita ini akan negeri² yang di-seliwengkan atau di-putar belitkan oleh penjajah hendak sesuai dengan chara dia memerintah pada masa itu. Mithal-nya sejarah Sultan Abdullah waktu membunuh Pegawai Inggeris di-Perak, sa-olah² Sultan kita itu mithal-nya jahat atau pun keras-lah, dzalim membunuh Pegawai Inggeris. Tetapi barangkali kalau di-selideki betul² barangkali terbit sejarah atau cherita bagitu sesuai dengan dasar Inggeris hendak merendahkan pandangan orang luar kapada bangsa kita Melayu pada masa mereka menjajah dahulu.

Jadi, saya barangkali perkara² itu kita selidek balek sebab yang sa-benar-nya kejadian² itu berlaku dan dalam perkara² lain lagi-lah. Saya banyak-lah juga dapat sejarah² negeri lain yang

memang di-buat oleh pengarang² bahasa penjajah atau pun pengarang² bangsa tidak menjajah pun yang di-didek dalam sekolah penjajah. Pengaruh ayer, makan minum dengan chara penjajah. Jadi, dengan tidak sedar tulis pun ikut chara penjajah juga. Jadi, memang-lah perkara begitu kena-lah di-ambil berat dan saya perchaya-lah pehak Arkib Negara ini kena-lah chari jalan, chuma lambat sangat sahaja. Pehak Kementerian Kebudayaan, saya di-beritahu ada mengambil langkah pertama untuk bersama dengan pehak Arkib Negara ini untuk menyelidek sejarah² mithal-nya antara zaman Portugis dengan zaman Ingeris datang ada 200 tahun Belanda memerintah sa-paroh negeri di-Melaka, dan lain² lagi. Ini tidak ada sejarah. Kita sedang menchari jalan hendak menchungkil perkara² begitu, tetapi sangat susah kerana buku² sejarah, bagaimana kata Yang Berhormat tadi, banyak tersimpan bukan-lah di-negeri kita. Sudah-lah Raffles dahulu bawa sa-kapal kitab² dan sejarah² kita tenggelam di-Selat Melaka, sudah hilang semua sejarah² atau buku² yang berguna kepada negara. Buku² yang ada pun banyak di-simpan di-Lisbon, di-negeri Belanda, di-Paris, di-London dan sa-bagai-nya. Hendak ambil balek bukan-lah dengan mudah boleh dapat balek. Biasa-nya dengan chara di-pinjam, dengan chara di-hantar filem *Micro Film*, dan lain². Tetapi *Micro Film* ini terlampau banyak sangat harga-nya. Kadang-nya terpaksa pula Arkib Negara ini berunding, berbath dengan pehak Treasury hendak luluskan perkara² bagini. Tetapi pandangan yang chukup tegas dalam perkara ini saya di-beritahu sedang di-buat oleh pehak Arkib Negara.

S. 11 Perangkaan. Ia-itu berkenaan pandangan Yang Berhormat daripada Kelantan Hilir dalam perkara penganggoran di-kampung² dan pendapatan orang² kampung supaya di-buat penye-lidekan. Jabatan Perangkaan sedang menchuba dengan sa-bberapa daya untuk memperolehi laporan² yang berkenaan. Yang Berhormat itu akan berpuas hati mengetahui ia-itu pada masa ini Jabatan ini sedang menjalankan tiga jenis penyiasatan yang bertujuan untuk memberi pengetahuan

bagi pengeluaran padi, pengeluaran pertanian, hasil padi dan penganggoran di-daerah² luar bandar.

Yang Berhormat Wakil Kuala Trengganu Utara telah mengadu mengenai kelambatan pengeluaran Perangkaan penduduk dan telah mengulas ia-itu daftar bagi tahun 1964 telah dikeluarkan dalam tahun 1967. Saya suka menegaskan kepada Yang Berhormat itu, Perangkaan Penduduk² ada-lah biasa-nya di-dapati daripada Pejabat Perangkaan sa-lepas sahaja akhir tahun tersebut bagi pertengahan tahun lalu. Ulasan²-nya itu ada-lah mengenai bagi pertengahan tahun lalu. Ulasan²-nya itu ada-lah mengenai laporan Ketua Pendaftar. Pejabat Perangkaan tidak merasa bertanggung-jawab dalam perkara ini. Jadi, ini-lah jawapan² yang sa-bberapa dapat saya kumpul dan jawabkan. Saya perchaya maseh ada lagi berbelas² perkara atau perpuluh² tidak sempat saya jawab. Tetapi perkara² bagini jikalau maseh belum puas hati boleh-lah di-buat soalan di-luar Dewan ini kepada saya atau pun dengan surat. Saya boleh berikan jawapan. Jadi, dengan itu, Tuan Pengerusi, saya kemukakan-lah supaya S. 1 sampai S. 11 menjadi sa-bahagian daripada Jadual.

Question put, and agreed to.

The sums of \$3,507,131 for Head S. 1, \$142,760 for Head S. 2, \$3,237,649 for Head S. 3, \$1,408,703 for Head S. 4, \$784,416 for Head S. 5, \$110,031 for Head S. 6, \$6,583,389 for Head S. 7, \$755,282 for Head S. 8, \$8,710,445 for Head 9, \$368,115 for Head S. 10 and \$3,506,836 for Head S. 11 ordered to stand part of the Schedule.

Head S. 12—

Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama (Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi): Tuan Pengerusi, saya mengemukakan supaya perbelanjaan yang di-tunjokkan di-bawah Kepala S. 12—Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama sa-banyak \$22,264,470 di-jadikan sa-bahagian daripada Jadual. Wang sa-jumlah itu ia-lah anggaran perbelanjaan yang meliputi semua Bahagian² dalam Kementerian saya bagi tahun 1967. Perbelanjaan yang di-chadang itu ada-lah

bertambah sa-banyak \$2,781,571 daripada perbelanjaan tahun 1966 yang berjumlah sa-banyak \$19,482,899 sahaja. Bertambah-nya perbelanjaan itu ada-lah membayangkan perkembangan Bahagian² Teknik Kementerian ini yang menjalankan tugas masing² dengan giat-nya bagi melaksanakan dasar pertanian kita.

Sungguh pun lapangan perusahaan ada berkembang tetapi Malaysia ada-lah sa-buah negara yang banyak bergantung kepada pertanian, di-mana lebeh daripada dua pertiga penduduk²-nya ada-lah bergantung kepada pertanian untuk kehidupan mereka. Kementerian saya ada-lah bersungguh² menhuba menjalankan dasar pertanian-nya yang maju ia-itu memaju dan mengeluarkan dengan sa-habis² banyak-nya kekayaan pertanian dan meluaskan lagi pelaksanaan pertanian yang berbagai² jenis dan sambil itu menambahkan pengeluaran serta memperbaiki mutu makanan² yang mustahak supaya menchukupi bagi keperluan sendiri. Kementerian saya juga sentiasa menhuba memajukan Sharikat Kerjasama dan lain² pertubohan di-luar bandar sa-bagai alat yang berguna untuk memperbaiki keadaan iktisad dan kedudukan petani² dan memajukan penyelidekan, pelajaran dan latehan pertanian di-semua peringkat.

Untuk melaksanakan dasar Kementerian ini pada hendak mengurangkan masok-nya barang² dari negeri asing dan menambah serta memperbaiki satu tanaman tempatan, sa-buah Pusat Pembangunan dan Penyelidekan Teknologi Makanan telah di-tubuhkan sa-bagai satu Bahagian yang berasingan di-bawah Kementerian saya. Pusat ini akan menjalankan penyelidekan atas perkara² yang bersangkutan-paut dengan penyelenggaraan, penyimpanan, memproses dan pemasaran barang² makanan yang penting bagi negeri ini dan juga menjadi sa-buah Pusat Latehan Kebangsaan bagi berbagai² peringkat pekerja² dalam teknik dan pemasaran makanan.

Sekarang saya akan bentangkan anggaran perbelanjaan bagi tiap² Bahagian di-bawah Kementerian ini.

IBU PEJABAT GAJI

Di-sini ada bertambah sa-orang Penolong Setia-usaha Butiran (8), sa-orang Jurutrengkas Butiran (21) dan sa-orang Kerani, Butiran (22),. Ini ada-lah mustahak bagi menjalankan kerja² yang banyak bertambah di-Chawangan Peranchang dan Penyelidekan ia-itu satu chawangan yang penting di-dalam Kementerian ini, yang bertanggung-jawab pada meranchang dan menyatukan kerja² Bahagian² Teknikal Kementerian ini. Sementara itu, satu jawatan Pegawai Penyiasat, Butiran (61) di-Pejabat Penempatan Sa-mula Mata² Khas telah di-kurangkan. Semenjak tahun 1961, 17 jawatan ia-itu jawatan Tingkatan Tertinggi, dua di-dalam Bahagian II dan 14 di-dalam Bahagian III telah di-hapuskan. Adalah di-jangka bahawa banyak lagi jawatan² akan di-kurangkan dalam tahun 1968 apabila sa-bahagian besar kerja² penempatan telah selesai.

Dalam Bahagian Pusat Pembangunan dan Penyelidekan Teknologi Makanan yang baharu itu, maka ada-lah perlu di-tambah enam orang Pegawai Teknologi, Butiran (68), sa-orang Jurutrengkas, Butiran (72), dan dua orang Jurutaip, Butiran (76), untuk menjalankan kerja² yang bertambah banyak dan juga kerana bertambah-nya pakar² antara bangsa yang di-tempatkan di-bahagian itu.

Berkenaan dengan Butiran (2)—Setia-usaha Parlimen; ini bukan-lah satu peruntokan yang baharu, tetapi ia-lah pechahan daripada Butiran (39)—Setia-usaha Politik di-mana kedua² jawatan itu ada di-letak di-bawah satu Butiran pada tahun yang lalu.

Oleh itu, jumlah peruntokan Gaji di-Ibu Pejabat ada-lah \$1,507,763 ia-itu bertambah sa-banyak \$276,557.

Lain² Perbelanjaan, Berulang Tiap² Tahun. Satu peruntokan berjumlah \$1,587,436 ada-lah di-pohonkan di-bawah bahagian ini, ia-itu \$1,176,121 lebeh daripada peruntokan tahun 1966. Tambahan yang banyak di-dalam

peruntukan ini ia-lah di-sebabkan Perbelanjaan Pentadbiran kepada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Butiran) (15) yang dahulu-nya dimasukkan di-bawah Perbelanjaan Khas. Ini ada-lah berjumlah \$1,018,071. Sebagaimana Ahli² Yang Berhormat maseh ingat bahawa Lembaga ini telah di-tubuhkan dengan rasmi-nya pada 30hb September, 1965 dan sa-telah menyediakan rangka² kerja-nya, menchari bangunan pejabat yang sesuai dan kakitangan²-nya, saya telah mengarahkan Lembaga ini menjalankan dengan serta-merta penyiasatan berkenaan dengan pemasaran padi yang saya rasa mustahak di-perbaikki lagi.

Sa-bagai hasil penyiasatan itu, suka saya menyatakan ia-itu empat ranchangan pemasaran padi telah di-adakan dan ini akan berjalan mulai daripada 1hb Mach, 1967. Sa-buah badan untuk mentadbirkan ranchangan² itu akan di-tubuhkan pada tengah hari besok ia-itu 1hb Februari, 1967.

Penyiasatan ada-lah sekarang di-arahkan kepada lapangan² yang lain saperti perusahaan ikan, sayuran², lada hitam, kopi dan lain² lagi dan ada-lah di-harapkan bahawa dalam masa yang tidak berapa lama lagi chara pemasaran yang baik atas benda² ini akan dapat di-adakan.

Peruntukan sa-banyak \$85,350 ada-lah di-kehendaki kerana Pusat Pembangunan dan Penyelidikan Teknologi Makanan yang baharu itu. Satu lagi tambahan yang besar yang tidak boleh di-elakkan ia-lah sa-banyak \$31,000 ia-itu charum kepada Pertubuhan Makanan dan Pertanian Bangsa² Bersatu.

PERBELANJAAN KHAS

Di-bawah bahagian ini ada menunjukkan kekurangan daripada \$1,613,482 untuk tahun yang lalu jadi \$637,208 untuk tahun ini. Kekurangan ini ia-lah di-sebabkan keluar-nya peruntukan bagi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan daripada bahagian ini.

BAHAGIAN PERTANIAN GAJI

Jumlah bilangan jawatan yang ditunjukkan bagi tahun 1967 ini ia-lah 830 orang berbanding dengan 700 orang bagi tahun 1966. Kechuali 22 jawatan dalam Bahagian 1 ia-itu jawatan² Kerajaan Negeri, maka tambahan jawatan² ia-lah 108 orang. Dari-pada jumlah itu, 20 ia-lah dalam Bahagian I, termasuk satu jawatan Tingkatan Tertinggi "H", 8 jawatan di-dalam Bahagian II, 70 jawatan Bahagian III dan 10 jawatan dalam Bahagian IV.

Tambahan yang banyak sa-kali ia-lah yang di-minta oleh Chawangan Penyelidikan dan Agronomi oleh sebab bebanan kerja² penyelidikan dan penyiasatan ada-lah di-tanggung oleh Chawangan ini.

Dalam Chawangan Agronomi, ada pada masa sekarang dua orang pegawai² di-dalam Tingkatan Tertinggi "H" yang menjaga dua unit tanaman yang mustahak ia-itu padi dan kelapa sawit. Jawatan Tingkatan Tertinggi "H" yang baharu itu akan di-tempatkan untuk menjaga lain² tanaman yang kekal saperti teh, kopi, koko dan lain² yang sama juga penting dalam ekonomi pertanian bagi menjadikan tanaman berbagai² jenis dan di-mana penyiasatan agronomi tidak di-jalankan dengan chukup-nya sa-hingga hari ini.

Di-bawah Ranchangan Malaysia Yang Pertama, Bahagian Pertanian telah di-tugas untuk melaksanakan 28 ranchangan kemajuan yang memakan belanja sa-banyak \$74 juta. Banyak kerja² mengenai merancang, mentadbir dan mengawas berbagai² penyelidikan, ranchangan lanjutan dan bantuan² mesti-lah di-jalankan sa-belum hasil ranchangan itu tiba ka-perengkat peladang². Maka dengan memandang kepada tujuan ini-lah dua orang lagi pegawai pertanian di-kehendaki.

Tenaga 13 orang ahli sains tanah yang ada sekarang ini tidak menchukupi untuk menjalankan kerja² penyiasatan tanah dan kajian menentukan penggunaan tanah dan kajian baja dan kesuboran pokok². Oleh itu dua orang lagi ahli sains tanah di-minta untuk

tahun 1967 ini. Dua orang ahli kimia ada-lah di-kehendaki dengan segera untuk memenohi kehendak analisa menyelidekan dan lain² kerja yang bertambah banyak.

Pada masa yang lalu, penyelidekan berkenaan dengan menjaga tanaman telah terbiar. Dengan sebab itu maka banyak masalaah musoh dan penyakit tanaman² tidak dapat di-kaji dengan chukup-nya dan chara² mengawasi tanaman² itu tidak dapat di-adakan. Untuk menghadapi keadaan ini dan untuk mengurangkan bahaya kerosakan dan kerugian tanaman dengan sebab musoh dan penyakit, maka ada-lah mustahak di-ambil tiga orang lagi Ahli Kaji-serangga dan dua orang lagi Ahli Kaji-penyakit Tumbohan.

Sa-orang Ahli Kaji-serangga akan di-tugaskan bekerja mengenai musoh padi, dan akan mengawasi kawasan Barat Laut Malaya. Sa-orang lagi Kaji-serangga akan bekerja mengenai tanaman kebun atau pun (horticulture). Dia di-kehendaki mengawasi masalaah tanaman yang berkehendakkan hawa serderhana dan sa-paroh panas yang sekarang ini di-tanam di-Cameron Highlands. Ahli² Kaji-serangga yang ketiga akan bekerja mengenai pengawasan ilmu hayat musoh² serangga.

Sa-orang Ahli Kaji-penyakit Tumbohan akan di-tempatkan di-Kuala Lumpur dan akan menumpukan masanya kapada masalaah penyakit padi dan tanaman ladang. Yang sa-orang lagi akan bekerja mengenai masalaah penyakit pokok kelapa di-Barat Daya Johor.

Oleh kerana ada kemungkinan musoh dan penyakit tanaman di-bawa masuk ka-Malaysia maka sangat-lah mustahak di-adakan satu perkhidmatan perlindungan dan *kerantina* pokok². Pada masa ini sa-bahagian daripada kerja ini di-jalankan oleh bahagian² lain, tetapi keadaan ini tidak-lah memuaskan oleh kerana bahagian² itu tidak chukup anggota dan masa untuk membuat kerja itu. Sa-bagai lagi keperluan Negeri² Sabah dan Sarawak hendak-lah juga di-penohkan. Dengan ini maka dua orang pegawai perlindungan pokok ada-lah di-kehendaki

untuk menjalankan dengan sempurna nya perkhidmatan perlindungan dan *kerantina* pokok².

Satu tambahan sa-banyak empat orang ahli agronomi ada-lah di-kehendaki dengan serta-merta untuk menjalankan kerja yang bertambah banyak di-Bahagian Agronomi didalam tahun 1967. Memandang kapada betapa penting-nya kelapa sawit sa-bagai bahan eksport persaingan dengan getah, maka sangat-lah mustahak penyelidekan terhadap kelapa sawit itu di-perhebatkan. Dengan sebab itu dua orang daripada ahli agronomi itu akan di-tugas dalam kerja kepala sawit di-dua kawasan yang berasingan, ia-itu di-Serdang dan di-Jerangan. Ahli agronomi yang ketiga akan bekerja mengenai kelapa. Dia di-kehendaki menjalankan kerja agronomi khas-nya tentang keperluan baja atau pokok² kelapa yang di-tanam dengan tanah *bris* di-sepanjang kawasan pantai Negeri² di-Pantai Timor. dan juga ia di-kehendaki menyiasat sesuai-nya pengeluaran lain² tanaman di-tanah *bris*. Ahli agronomi yang keempat akan di-tempatkan di-Steshen Federal, Jalan Kebun, ia-itu steshen yang lengkap di-tanah peat atau gambut yang membolehkan di-jalankan sa-mula penyiasatan agronomi mengenai tanaman² barang makanan, rumput dan serabut.

Untuk memenohi kehendak pertanian berjentera dan untuk menentukan bahawa alat² yang sesuai dan baik boleh di-gunakan dengan memberi faedah yang sa-penoh-nya maka sa-orang jurutera pertanian hendak-lah di-ambil berkhidmat dalam lapangan ini. Rancangan Memuleh dan Menanam Sa-mula Kelapa telah di-lancarkan sa-bagai satu rancangan perhubungan di-Barat Daya Negeri Johor dalam tahun 1963. Dengan pengalaman yang di-dapati dan kerana penting-nya rancangan ini kapada perusahaan pekebun² kechil, maka Kerajaan telah meluluskan supaya rancangan ini di-jalankan di-peringkat kebangsaan. Pada masa ini rancangan yang sa-besar ia-itu 36,000 ekar telah berjalan di-Johor, Perak, Selangor, Seberang Prai dan Negeri² di-Pantai Timor.

Dengan itu tanggungan Ketua Pegawai Menanam Sa-mula telah banyak bertambah. Oleh kerana luas-nya kawasan yang hendak di-puleh dan ditanam sa-mula dan memandang kepada kerja yang akan di-jalankan meliputi seluruh negeri ini, maka satu lagi jawatan Pegawai Menanam Kawasan ada-lah di-kehendak untuk membantu Ketua Pegawai Menanam Sa-mula dalam kerja²-nya.

Bagi memberi bantuan kerja oleh sebab bertambah-nya jawatan² dalam Bahagian I, maka sudah tentu kaki-tangan² dalam Bahagian II dan III mesti-lah di-tambah juga. Jawatan² baharu itu, sa-lain daripada membantu kerja² jawatan² kanan itu juga dapat menolong melichinkan kerja² Bahagian Pertanian.

LAIN² PERBELANJAAN, BERULANG TIAP² TAHUN

Di-bawah bahagian ini ada tambahan sa-banyak \$283,750. Jika di-pecahkan ada-lah menunjukkan tambahan sa-banyak \$83,300 untuk Ibu Pejabat Bahagian, kekurangan sa-banyak \$64,200 di-dalam Chawangan Penyelidikan, tambahan \$113,180 untuk Chawangan Agronomi, \$146,370 untuk Pelajaran Pertanian dan \$5,100 untuk Ranchangan Memuleh dan Menanam Sa-mula Kelapa.

Di-Ibu Pejabat Sa-bahagian besar tambahan yang di-minta di-bawah Pechahan-kepala 27, ia-itu untuk pembayaran lampu, ayer dan kuasa jentera yang tidak dapat di-elakkan kerana bayaran ayer telah naik di-beberapa buah Negeri dan juga kerana menambakkan kuasa letrik bagi alat² ma'amal dan jentera² lain.

Kekurangan sa-banyak \$64,200 di-dalam Chawangan Penyelidik ada-lah di-sebabkan pindahan peruntukan Penyiasatan Tanah kepada Pechahan-kepala 125 di-bawah Perbelanjaan Khas di-mana wang sa-banyak \$140,000 telah pun di-masokkan. Tambahan yang banyak ia-lah kerana penyelenggaraan ma'amal.

Memandang kepada kerja yang banyak di-dalam Bahagian Penyiasatan Agronomi yang di-tugaskan kepada Bahagian Pertanian untuk memenohi kehendak negara ka-arrah membanyakkan jenis² tanaman dan kepada ranchangan kemajuan, maka sudah tentu banyak wang di-kehendaki untuk perchubaaan luar dan penyiasatan yang mana akan di-jalankan ka-atas lebeh banyak lagi jenis tanaman tahunan seperti jagong, sekoi, kacang soya, jute dan juga strawberry. Sambil itu penyiasatan yang hebat akan di-jalankan atas berbagai-bagai segi pengeluaran, memperoses dan menyimpan padi.

Wang sa-banyak \$51,000 ada-lah di-minta di-bawah Pechahan-kepala 37 untuk menjadikan Pusat Latehan Ladang Berjentera sa-buah pusat yang kekal. Kejayaan pusat sementara yang ada sekarang ini telah menyakinkan Bahagian Pertanian atas mustahak dan perlu, bagi jangka panjang, ada-nya latehan seperti ini untuk pegawai² yang sedang berkhidmat dan peladang² yang progresif.

Oleh kerana bilangan Pembantu Pertanian dan Pembantu Pertanian Rendah dalam Bahagian ini kurang untuk menjalankan berbagai² ranchangan kemajuan di-bawah Ranchangan Malaysia Yang Pertama, maka lebeh banyak lagi biasiswa dalam lapangan ini mesti-lah di-beri supaya dapat menarek lebeh banyak lagi penuntut² sendiri masuk berkhidmat di-dalam perkhidmatan Kerajaan. Wang sa-jumlah \$278,580 yang di-masokkan ka-dalam (2) Pechahan-kepala 38 ada-lah di-kehendaki membiayai 70 biasiswa dalam tahun 1967 dan 63 biasiswa yang ada sekarang di-Maktab Pertanian.

Walau pun keluaran Pembantu Pertanian Rendah tidak akan bertambah banyak di-dalam tahun 1967 tetapi perbelanjaan menyelenggarakan Sekolah² Pertanian sa-bagaimana di-tunjokkan dalam Pechahan-kepala 39 akan bertambah kerana bertambah-nya perbelanjaan Kursus tiga tahun yang baharu bagi menggantikan Kursus sa-lama 17 bulan yang lampau itu.

PERBELANJAAN KHAS

Di-bawah bahagian ini ada tambahan sa-banyak \$457,685. Tambahan yang paling besar sa-kali, ia-lah dalam Chawangan Penyelidek dan Chawangan Agronomi.

Dalam Chawangan Penyelidek, peruntukan sa-banyak \$208,260 ada-lah di-minta, sa-bahagian besar daripadanya untuk mengganti alat² sains dan perkakas² yang telah lama atau tidak boleh di-baiki lagi. Di-bawah Pechahan-kepala 122, \$15,650 ada-lah di-kehendaki untuk membeli alat² untuk penye- lidekan tanah gambut. Penyelidekan ini mustahak bagi menentukan sama ada tanah ini boleh di-gunakan bagi kemajuan pertanian. Pechahan-kepala 125, Penyiasat Tanah dan Peta, telah di-pindahkan daripada Pechahan-kepala lain² Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun dan di-masokkan ka- dalam Pechahan-kepala ini sebab ini bukan Perbelanjaan berulang² tiap² tahun kerana kerja peninjauan siasat tanah di-Malaysia Barat di-jangka akan siap dalam tahun 1967 ini. Ada-lah di-chadangkan hendak menambah kum- pulan penyiasat tanah itu daripada 5 kapada 10 untuk mempercepatkan kerja peninjauan itu. Dengan ini satu peruntukan sa-banyak \$140,000 ada-lah di-minta.

Dalam Chawangan Agronomi, tam- bahan di-bawah Pechahan-kepala 135 dan 136 ada-lah di-kehendaki untuk mengganti kenderaan dan terekar, kesemua-nya tidak berfaedah di- perbaiki. Wang sa-banyak \$69,400 ada-lah juga di-minta di-bawah Pechahan-kepala 137 untuk penye- lidekan dan penyiasatan tebu. Ini ia-lah kerana menjalankan perchubaaan atas tebu di-steshen² dugaan di-Kuala Lumpur, Serdang dan Perlis. Sama ada penanaman tebu akan berfaedah dari segi perniagaan atau tidak, bergantung besar kapada keputusan dugaan² ini. Wang sa-banyak \$31,600 yang di-minta di-bawah Pechahan-kepala 138 ada- lah di-kehendaki untuk membeli sa- buah gergaji dan sa-buah jentera pengisar untuk Wokshop Persekutuan di-Serdang.

Wang berjumlah \$75,000 di-bawah Pechahan-kepala 145 ada-lah di- kehendaki untuk mengadakan tandas sendirian bagi 120 rumah buroh di- Pusat Perchubaaan Persekutuan, Ser- dang. Jabatan Kerja Raya tidak dapat memberi wang yang di-kehendaki kerana rumah² ini ia-lah rumah kepu- nyaan Kementerian ini.

BAHAGIAN PARIT DAN TALIAYER GAJI

Di-bawah bahagian ini ada tambahan sa-banyak \$61,405 di-sebabkan oleh kenaikan gaji dan lain² elaun yang biasa. Empat jawatan tambahsentara Jurutera Pelateh (Butiran 196) telah di-kurangkan sementara empat jawatan Jurutera Parit dan Taliayer (Butiran 230) telah di-adakan. Ini mustahak kerana menjalankan kerja kemajuan. Satu jawatan Pegawai Kerja Kira² (Butiran 200) telah di-adakan dengan di-kurangkan satu Jawatan Kerani 'Am, Tingkatan-khas (Butiran 210).

LAIN² PERBELANJAAN BERULANG TIAP² TAHUN

Di-bawah bahagian ini ada kurang keselurohan-nya sa-banyak \$11,500 pada tahun ini sunggoh pun ada tam- bahan pada lain² pechahan-kepala khas-nya pada Pechahan-kepala— Penyenggaraan dan Perjalanan ma'amal Haiderol. Ini ia-lah mustahak untuk membayar gaji pekerja² buroh kasar dan untuk penyenggaraan perkakas yang bertambah di-ma'amal itu: Pechahan-kepala 58—penyenggaraan Wokshop dan Barang²—untuk mem- bayar elaun yang bertambah bagi pe- kerja² buroh kasar. Sunggoh pun demikian ada kurang sa-banyak \$50,000 di-dalam Pechahan-kepala 52—Pe- nyenggaraan Jentera Berat—kerana tahun ini sedikit sahaja jentera meng- angkat tanah di-kehendaki untuk di- perbaiki.

Mr Chairman: Panjang lagi?

Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Jawi: Lebeh kurang sa-tengah jam lagi.

Mr Chairman: Masa sudah 6.30 petang. Majlis bersidang sa-mula sa- bagai Majlis Meshuarat.

House resumed.

Mr (Deputy) Speaker: Ahli² Yang Berhormat saya memalumkan ia-itu Jawatan-kuasa Rang Undang² Perbekalan 1967 telah sampai kepada Kepala S. 12 bagi Jadual dalam Rang

Undang² ini. Jawatan-kuasa akan bersidang pada hari esok.

Meshuarat ini di-tanggohkan hingga pukul 10.00 pagi esok.

Adjourned at 6.30 p.m.